ZAKAT
PULAU PINANG




# 2020

# Laporan Tahunan Zakat Pulau Pinang

*"Amanah Ummah Dijaga Hak Asnaf Dibela"*

# Isi Kandungan


**Latar Belakang**

2 Selayang Pandang
5 Sekilas ZPP

**6 Perutusan Yang Di-Pertua**

7 YB Dato' Ir Haji Zakiyuddin Bin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang
Yang Dipertua MAINPP
Merangkap Pengerusi Zakat Pulau Pinang

**8 Laporan Eksekutif**

9 Amran Bin Hazali
Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, MAINPP

**14 Maklumat Korporat**

15 Visi, Misi, Nilai Teras, Moto, Piagam Pelanggan
19 Lembaga Pengarah
20 Jawatankuasa Kecil di bawah ASUZSB/ZPP
24 Carta Organisasi ZPP
25 Kaunter Cawangan Perkhidmatan Zakat

**26 Sorotan Pencapaian ZPP Tahun 2020**

27 Kad Laporan Prestasi 2020
30 Bantuan Khas Covid-19
33 Pelancaran Bulan-Bulan Zakat Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020
35 Pelan Strategik Zakat Pulau Pinang 2020-2022

**37 Jabatan Operasi Kutipan**

**49 Jabatan Operasi Agihan**

**71 Rangkuman Kalendar Peristiwa**

**76 Penerbitan Zakat Pulau Pinang**

**77 Zakat Pulau Pinang Dalam Media**

**82 Media Sosial Zakat Pulau Pinang**

# Selayang Pandang

Pengurusan zakat di Pulau Pinang ditadbir urus oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) bermula pada tahun 1960 berasaskan kepada UndangUndang Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 1959 (Undang-Undang No. 3 Tahun 1959) yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 15 April 1959. Undang-undang tersebut telah memperuntukan pembentukkan satu badan yang bertanggungjawab untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong dalam perkara-perkara berkaitan hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan zakat.

Sejak daripada penubuhan MAINPP pada tahun 1960 hingga tahun 1994, urusan kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang diuruskan di bawah satu bahagian di MAINPP. Pada tahun 1994, MAINPP menubuhkan sebuah anak syarikat iaitu As-Sahabah Urus Zakat Bendirian Berhad (ASUZSB) yang didaftarkan sebagai syarikat petugas amil bagi pihak MAINPP dengan pelaburan modal sejumlah RM 1,019,658.00. Syarikat tersebut diperbadankan sebagai syarikat sendirian berhad (Sdn. Bhd.) milik penuh MAINPP dengan kawalan modal sebanyak 100% di bawah Akta Syarikat 1965. ASUZSB telah memulakan operasi sepenuhnya bermula 1 September 1994 dengan menggunakan nama Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZPP).



Penggunaan nama PUZPP adalah untuk mengekalkan kepentingan awam terhadap institusi tersebut. PUZPP merupakan *icon* bagi pengurusan zakat di Pulau Pinang dan bertujuan untuk meyakinkan masyarakat Islam di Pulau Pinang terhadap institusi zakat yang ditubuhkan. Nama PUZPP bukanlah satu entiti yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang perbadanan syarikat, malah ia merupakan satu jenama *(branding)* bagi mempromosikan pengkorporatan atau penswastaan zakat di Pulau Pinang.

Pada peringkat awal penubuhannya, bidang kuasa PUZPP hanyalah sekadar memungut zakat harta di sekitar Pulau Pinang dan Seberang Perai sahaja. Pada masa yang sama, MAINPP masih memainkan peranan untuk memungut zakat fitrah dan mengagihkan dana zakat di negeri Pulau Pinang.

Namun, kejayaan PUZPP meningkatkan kutipan zakat harta daripada RM 0.19 juta pada tahun 1994 kepada RM 9.36 juta pada tahun 1998 telah meyakinkan MAINPP bahawasanya PUZPP amat berpotensi untuk menguruskan operasi kutipan dan agihan zakat sekaligus. Bermula pada bulan Mac 1999, MAINPP telah memberi kepercayaan penuh kepada ZPP untuk menguruskan sepenuhnya kedua-dua operasi kutipan dan agihan zakat harta dan zakat fitrah di seluruh Pulau Pinang.

Keputusan menyerahkan kuasa dan tanggungjawab memungut dan mengagihkan zakat di Pulau Pinang kepada PUZPP dibuat selepas tiga siri Muzakarah Pemantapan Sistem Agihan Zakat yang diadakan sejak tahun 1997. Keputusan tersebut menjadikan PUZPP sebagai institusi korporat yang pertama di Malaysia diluluskan dan diberi kuasa oleh MAIN untuk mengurus kutipan dan agihan zakat harta dan fitrah. Penyerahan kuasa mengurus kutipan dan agihan zakat kepada syarikat korporat atau anak syarikat yang ditubuhkan khusus oleh MAINPP bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan zakat di Pulau Pinang.

Nama korporat PUZPP diganti kepada nama korporat baharu iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) selepas penjenamaan semula nama dan logo PUZPP, MAINPP. Penjenamaan semula PUZPP ini telah disempurnakan oleh TYT Tun Dato Seri Utama Dr Hj Abdul Rahman Hj Abbas, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada 26 April 2012.

## 26 Tahun
“Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela”

# Selayang Pandang

**01 — 1993**
Kertas cadangan berkaitan penubuhan syarikat milik penuh (100%) MAINPP bagi urusan pungutan zakat di Pulau Pinang dibentangkan oleh Pegawai Kewangan Negeri, Y.B Dato’ Dr. Mohd Sahar bin Sidek

**02 — 1994**
Didaftarkan dengan nama As-Sahabah Urus Zakat Sdn Bhd (302434-A) dengan modal berbayar RM1.02 juta

**03 — September 1994**
Memulakan operasi kutipan zakat sepenuhnya dengan menggunakan nama Pusat Urus Zakat (PUZ) beroperasi di No 65, Jalan Selat, Taman Selat, Butterworth

**04 — 2005**
Ibu pejabat PUZ dipindahkan ke No 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, Bukit Mertajam (Bangunan Milik ASUZ)

**05 — 2012**
Penjenamaan semula Zakat Pulau Pinang (ZPP)

**06 — 2020**
Sehingga kini, terdapat seramai 105 orang kakitangan sokongan diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan 10 orang Ahli Lembaga Pengarah

# Sekilas ZPP

| Tahun 1995 | Tahun 1999 | Tahun 2020 |
|---|---|---|
| Jumlah Kutipan: RM5.7 juta | Jumlah Kutipan: RM8.7 juta | Jumlah Kutipan: RM130.8 juta |
| | Jumlah Agihan: RM6.5 juta | Jumlah Agihan: RM126.5 juta |

**Matlamat penubuhan Zakat Pulau Pinang**

1. Meningkatkan kutipan zakat negeri Pulau Pinang
2. Memperkenal sistem pungutan zakat yang lebih sistematik melalui operasi berkomputer.
3. Sebagai elemen ingat dan sedar kepada umat Islam bahawa zakat dapat memainkan peranan besar dalam mengukuhkan ekonomi umat Islam.
4. Menyediakan kemudahan membayar dan mengagihkan wang zakat dengan lebih berkesan dan adil agar pembayar zakat dan umat Islam yakin dan berpuas hati.
5. Memperkenal budaya kerja korporat dalam operasi pungutan dan pengagihan kumpulan wang zakat.
6. Satu institusi zakat yang unggul dan menjadi salah satu teras sosio-ekonomi umat Islam berlandaskan :
7. Perkhidmatan yang berkualiti.
8. Pengurusan korporat yang mantap dan berdaya maju.
9. Penggunaan teknologi terkini.
10. Pengembelingan dan pembangunan sumber manusia.
11. Pertalian yang erat dengan semua pihak.



# Perutusan Yang Di-Pertua

**YB. Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd Rahman**
Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang
Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Zakat Pulau Pinang

# Perutusan

**YB DATO' IR HAJI ZAKIYUDDIN BIN ABDUL RAHMAN**
Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang
Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Zakat Pulau Pinang



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Zakat Pulau Pinang berjaya melaksanakan fungsi dan tugas sebagai Amil yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sepanjang tahun 2020 dengan penuh kecemerlangan. Catatan kejayaan dan kecemerlangan ZPP ini dizahirkan kepada masyarakat melalui penerbitan Laporan Tahunan 2020 agar pencapaian, maklumat, aktiviti serta berita di sebalik setiap kejayaan dikongsikan bersama.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga kerja ZPP kerana telah berjaya di dalam melaksanakan perancangan tahun 2020 walaupun berdepan dengan cabaran pandemik Covid-19. Hasilnya, ZPP berjaya mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan dalam jumlah kutipan zakat harta dan zakat fitrah dan seterusnya menambahkan bilangan muzakki di negeri Pulau Pinang. Kecemerlangan ini diteruskan dengan agihan dana zakat yang berkesan dengan peratusan agihan yang tertinggi iaitu sebanyak 96.8 peratus berbanding jumlah kutipan pada tahun 2020. Hal ini menunjukkan kesungguhan ZPP dalam menyatuni asnaf-asnaf dan golongan yang terkesan dengan pandemik Covid-19. Sesungguhnya saya amat berbangga dengan semangat kerjasama dan keprihatinan warga ZPP.

Ternyata masa bergerak dengan sungguh pantas. Tahun 2020 menggariskan hala tuju pengurusan ZPP yang baharu. Sepanjang tempoh ini, banyak ketetapan dan perubahan berkisarkan usaha transformasi peranan ZPP yang sebenar, langkah-langkah peningkatan daya saing organisasi dan inisiatif dakwah zakat serta pemerkasaan asnaf di negeri Pulau Pinang. Falsafah dan keyakinan bahawa apa sahaja idea, gagasan mahupun perancangan, tidak akan mampu tercapai matlamat dengan jaya sekiranya ia hanya bergerak bersendirian dan semangat bekerja sebagai satu pasukan adalah penting bagi mencapai impak yang optimum.

Hampir setahun berdepan dugaan Covid-19, seluruh dunia terkesan penularan pandemik ini. Sejak itu, dilihat banyak pihak terkesan akibatnya dalam menempuhi kehidupan seharian. Pandemik COVID-19 bukan sahaja memberikan impak kitaran terhadap pertumbuhan, malah pada asasnya juga telah membentuk semula landskap sosioekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang khususnya bagi asnaf-asnaf zakat. Yang penting, pandemik ini telah mempertingkatkan tumpuan ZPP terhadap aspek kritikal dasar struktur iaitu operasi kutipan dan agihan yang memerlukan langkah-langkah pembaharuan dengan segera. Dari satu segi, pandemik telah mempercepat peralihan ke arah penerapan teknologi dan agenda kelestarian (sustainability agenda). Dari sudut yang lain pula, pandemik telah memberikan pelbagai pengalaman dan hikmah kepada kita semua terutamanya umat Islam agar mengadaptasi cabaran tersebut bagi meningkatkan kualiti kehidupan yang lebih sempurna dan diredhai oleh Allah SWT.



# Laporan Eksekutif Ketua Pegawai Eksekutif

**Amran bin Hazali**
Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang,
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

# Laporan Eksekutif

**AMRAN BIN HAZALI**
Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, MAINPP



Syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana atas keizinan dan rahmat Nya jua, Buku Laporan Tahunan 2020 ini berjaya diterbitkan. Penerbitan Laporan Tahunan ini adalah satu dokumen yang amat berguna untuk dijadikan rujukan di masa hadapan yang merakamkan pencapaian serta aktiviti-aktiviti Zakat Pulau Pinang (ZPP) yang dilaksanakan pada tahun 2020.

Adalah penting untuk ZPP mengkaji setiap kejayaan dan kegagalan pada masa lalu serta memberikan komitmen penuh dalam melaksanakan transformasi ke arah yang lebih baik. Tahun-tahun mendatang pastinya akan dipenuhi dengan ketidakpastian. Bahkan ketika perutusan ini ditulis, kita masih lagi belum bebas daripada gelombang wabak COVID-19 yang berkemungkinan disusuli oleh gelombang yang seterusnya yang mampu memberi kesan kepada kutipan zakat dan secara langsung menjejaskan jaminan sosio ekonomi ummah melalui dana zakat untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan.

Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Zakat Pulau Pinang bagi tahun 2020, iaitu tahun yang sangat mencabar akibat penularan pandemik COVID-19 yang serius bermula pada awal Februari 2020. Pandemik COVID-19 telah membayangi persekitaran yang tidak menentu, tidak kepastian, kompleks dan kabur bagi operasi ZPP. Walaupun begitu, cabaran tersebut berjaya ditempuhi dan dicapai dengan pelbagai hikmah dan pengalaman dalam memenuhi agenda besar ZPP dan seterusnya mencatatkan kejayaan luar biasa pada tahun 2020.

## TRANSFORMASI TADBIR URUS

Transformasi ZPP bermula dengan mempersediakan organisasi secara menyeluruh melalui menyusun atur dan menstrukturkan semula jabatan, bahagian dan jawatan serta bidang tugas kakitangan yang berdaya saing bagi mendepani pengurusan zakat era Revolusi Digital.




Penstrukturan semula jawatan bermula dengan mewujudkan dua (2) jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) iaitu TKPE Operasi dan TKPE Pentadbiran. Dua jawatan utama ini dibantu oleh empat (4) jawatan Pengurus Besar Jabatan iaitu Pengurus Besar Jabatan Operasi Kutipan, Pengurus Besar Jabatan Operasi Agihan, Pengurus Besar Jabatan Kewangan dan Akaun serta Pengurus Besar Jabatan Khidmat Pengurusan bagi membentuk pasukan pengurusan ZPP yang mantap dan efektif. Sebanyak 18 Bahagian dibentuk bagi menyokong empat Jabatan untuk mewujudkan tadbir urus berkesan bagi pengurusan operasi kutipan, operasi agihan, kewangan dan akaun serta pengurusan sumber manusia di Zakat Pulau Pinang.

Paradigma transformasi tadbir urus juga diperkasa dengan mewujudkan Bahagian Hisbah dan Integriti yang merangkumi Unit Audit Dalam, Unit Pengurusan Kualiti dan Unit Undang-Undang serta di bantu oleh Unit Tugas-Tugas Khas di bawah Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif.

## PELAN STRATEGIK 2020-2022




Perancangan Pelan Strategik ZPP 2020-2022 telah mula dibengkelkan pada bulan Oktober 2019. ZPP telah membuat pindaan terhadap VISI, VISI, NILAI TERAS DAN MOTO ZPP sejajar dengan penyemakan semula Pelan Strategik terdahulu. VISI baharu ZPP iaitu "Mengungguli usaha mewujudkan keseimbangan sosia-ekonomi ummah melalui pengurusan zakat yang profesional dan berteknologi" merupakan arah tuju pencapaian ZPP di masa hadapan.

Pelan Strategik 2022-2022 yang mengandungi empat (4) Teras Strategik melibatkan kewangan, pelanggan, proses dalaman dan kapasiti organisasi. Dalam keempat-empat teras ini mengandungi 10 strategi yang difokuskan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan dengan 68 inisiatif yang telah dikenal pasti dapat membawa kecemerlangan Zakat Pulau Pinang.

## TERAS STRATEGIK

### 01 KEWANGAN

- mengenalpasti sumber-sumber zakat baru selaras dengan perkembangan zaman
- mewujudkan amalan pengurusan kewangan secara berhemah

### 02 PELANGGAN

- memaksimumkan kepuasan pelanggan dengan mencipta nilai dan pengalaman baru untuk pelanggan
- menjalin kolaborasi strategik dengan pelbagai pihak untuk meningkatkan kutipan dan mengagihkan zakat dengan effisien
- mempelbagaikan pendekatan dan medium secara kreatif bagi memaksimumkan capaian maklumat dan dakwah zakat kepada masyarakat
- mentransformasikan golongan mustahiq kepada muzakki melalui sistem agihan yang berkesan

### 03 PROSES DALAMAN

- mengukuhkan tadbir urus korporat supaya bertepatan dengan selari dengan amalan terbaik 'best practices'.
- meningkatkan tahap profesionalisma dan kecekapan agihan zakat.

### 04 KAPASITI ORGANISASI

- mendigitalkan pengurusan zakat.
- memperkasa modal insaniah (human capital development).

Pelan Strategi ZPP 2020-2022 ini merupakan edisi keempat perancangan hal tuju organisasi selepas Bengkel Hala Tuju 10 Tahun Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (2003-2013); Bengkel Percambahan Pemikiran Hala Tuju Pusat Urus Zakat Pulau Pinang 2011; dan Sumbang Saran Pemikiran Hala Tuju Zakat Pulau Pinang 2016-2020. Pelan ini telah digubal berdasarkan pencapaian semasa Zakat Pulau Pinang serta mengambilkira realiti perubahan masyarakat sekeliling.

## SKIM BANTUAN KHAS ZAKAT COVID 19 (SBKZC19)

Zakat Pulau Pinang (ZPP) merupakan institusi zakat di Malaysia yang paling awal melancarkan Bantuan Khas COVID-19. Sebanyak RM15.9 juta melalui 3 fasa khas bantuan disalurkan bagi menyantuni rakyat yang terjejas akibat pandemik COVID-19 di Negeri Pulau Pinang.

Berdepan dengan fenomena luar biasa ini, ZPP segera mengambil langkah proaktif dan responsif dalam spektrum sosioekonomi ummah untuk menjadi benteng umat Islam di Pulau Pinang. ZPP menyasarkan bantuan yang bukan sahaja efektif bahkan juga efisien. Hal ini demikian disebabkan penularan pandemik COVID-19 semakin meruncing dan memerlukan perhatian yang serius dan komprehensif.

Antara perkara-perkara yang diberi perhatian oleh ZPP terhadap implementasi bantuan khas dalam tempoh yang kritikal ini adalah:

- Impak yang besar kepada golongan sasar khususnya golongan asnaf dan golongan yang terjejas punca pendapatan dan kelangsungan hidup.
- Efisien dalam sistem penyampaian (delivery system) bantuan ZPP supaya sampai ke golongan sasar.
- Memastikan penyaluran maklumat bantuan kepada masyarakat dengan pantas.

ZPP komited memastikan pendekatan yang inklusif dan holistik dalam usaha memulihkan sosio-ekonomi masyarakat Muslim khususnya golongan asnaf di Pulau Pinang yang terjejas.

### Skim Bantuan Khas Zakat Covid-19 Tahun 2020

01 Bantuan Peniaga Kecil/Penjaja RM2,625,000.00

02 Bantuan Asnaf Putus Belanja (Kariah Dan Persatuan) RM1,135,440.00

03 Bantuan Sara Hidup Bulanan RM2,629,300.00

04 Bantuan Makanan Bulanan RM328,844.65

05 Bantuan Nyahkuman Masjid & Surau RM252,400.00

06 Bantuan E-Hailing /Pekerja Harian RM1,884,500.00

07 Bantuan Guru Agama Dan Tahfiz RM733,000.00

08 Bantuan Masyarakat Rohingya RM40,000.00

09 Bantuan Nur Ramadan RM2,158,100.00

10 Bantuan Saguhati Hari Raya RM4,079,050.00

### Fasa 1

- Dilancarkan pada 22 Mac 2020
- Merupakan Institusi Zakat pertama di Malaysia melancarkan Bantuan Khas
- Bantuan Fasa 1 sebanyak RM5.4 juta

### Fasa 2

- Bantuan Fasa ke-2 ini menumpukan kepada golongan yang terjejas
- Bantuan kepada frontliner
- Bantuan kepada NGO
- Bantuan Fasa ke-2 sebanyak RM4.3 juta

### Bantuan Nur Ramadan & Saguhati Adilfitri

- Bantuan Asnaf Fakir dan Miskin
- Melibatkan 8 ribu orang
- Bantuan sebanyak RM6.2 juta




## PROGRAM BULAN-BULAN ZAKAT PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

Penganjuran Bulan-Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 merupakan program kemuncak aktiviti-aktiviti berimpak tinggi Zakat Pulau Pinang bagi tahun 2020. Program Bulan-Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang tahun 2020 ini merupakan tahun kedua dilaksanakan. Pada tahun 2019 buat julung kalinya dianjurkan Bulan Zakat Peringkat Negeri Pulau Pinang dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan masyarakat Muslim di Pulau Pinang



Atas dasar sambutan dan maklum balas hangat yang diberikan oleh masyarakat, ZPP mengambil tanggungjawab ini dengan memperkasakan lagi inisiatif penganjuran bulan zakat negeri Pulau Pinang. Mengambil kira Negeri Pulau Pinang telah diklasifikasikan sebagai negeri hijau dengan pelaksanaan Perintah Pergerakan Kawalan Pemulihan (PKPP) pada waktu tersebut, tempoh penganjuran Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang dipanjangkan selama empat (4) bulan, bermula September hingga Disember tahun 2020. Sebanyak 17 pengisian program telah diaturkan sepanjang penganjuran bulan-bulan zakat negeri Pulau Pinang. Antaranya:

i. Bacaan Yasin bagi Majlis Pelancaran Bulan-Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020
ii. Pelancaran Portal Zakat Pulau Pinang
iii. Hi-Tea Bersama Guru Besar dan Penyelaras Guru KAFA Pulau Pinang
iv. Talaqqah Zakat Bersama Guru Takmir
v. Jom Syoknya Sekolah
vi. Khutbah Khas Zakat
vii. Kapsul 185 Saat Raudhah ZPP
viii. Dhuha Talk
ix. Ziarah Asnaf
x. Wacana Sinar Harian
xi. Selamat Pagi Malaysia (RTM)
xii. Assalamualaikum (TV al-Hijrah)
xiii. Sembang Santai Zakat (Live FB)
xiv. Kapsul Zakat (TV al-Hijrah)
xv. Pelancaran Model Baharu Rumah Bantuan Zakat
xvi. Live FB Sinar Harian
xvii. Sembang Petang Bersama Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang

## PRESTASI PENCAPAIAN TAHUN 2020

Lembaran tahun 2020 telah bermula dengan penularan pandemik COVID-19 di seluruh Malaysia termasuk Negeri Pulau Pinang. Situasi yang belum pernah terjadi sebelumnya ini telah mengekang aktiviti dakwah zakat melalui operasi kutipan zakat terhadap masyarakat Muslim di Pulau Pinang. Telahan awal institusi zakat di Malaysia termasuk ZPP mendapati implikasi besar yang bakal dihadapi ialah kutipan zakat akan terjejas dan dana zakat yang besar diperlukan bagi mengimbangi situasi luar biasa ini dalam membantu masyarakat Muslim terutama asnaf yang terjejas akibat kesan ekonomi dan kesihatan yang semakin merudum.

Dalam mendepani persekitaran tidak menentu yang dijangka akan berlanjutan, ZPP telah melipatgandakan usahanya untuk melaksanakan strategik baharu operasi kutipan dan penyampaian dana zakat kepada asnaf demi memenuhi mandat pembayar zakat di Pulau Pinang. Tahun 2020 menyaksikan ZPP melaksanakan inisiatif digitalisasi operasi kutipan zakat yang seiring dengan keperluan semasa, di samping memanfaatkan teknologi dalam membuat pembaharuan dan penambahbaikan ke atas kemudahan pembayaran zakat melalui financial technology (FinTech), mewujudkan portal zakatpenang2u.com dan membentuk pasukan media sosial dalam hebahan kempen dakwah zakat.

Lonjakan prestasi yang amat signifikan ini turut menggambarkan kepercayaan jitu masyrakat Muslim di negeri ini terhadap ZPP untuk terus menggalas tanggungjawab mengurus dana zakat yang lebih efektif kepada masyarakat. Hasilnya, Alhamdulillah ZPP berjaya menunaikan amanah pembayar zakat bagi membela hak asnaf dan golongan yang terjejas dengan mengagihkan sebanyak 96.8% daripada jumlah kutipan keseluruhan yang berjumlah RM130.8 juta. Peratusan jumlah agihan dana zakat ini merupakan pencapaian yang bersejarah bagi ZPP sejak penubuhannya dan merupakan yang tertinggi dalam kalangan institusi zakat di Malaysia.

**Jumlah Kutipan Terkumpul Tahun 2020**
**RM130,857,624.07**

**Jumlah Peratusan Bantuan Agihan Berbanding Kutipan Zakat Tahun 2020**
Agihan Vs Kutipan
**96.8%**

### Kutipan Zakat

Pada tahun 2020, Zakat Pulau Pinang telah memungut sebanyak RM125.2 juta bagi zakat harta dan RM5.6 juta bagi zakat fitrah. Jumlah kutipan keseluruhan zakat yang berjumlah RM130.8 juta juga merupakan yang tertinggi pernah dicatat oleh ZPP. Pencapaian ini juga disokong Jumlah kutipan zakat harta sebanyak RM125.2 juta meningkat 7.6% berbanding RM116.3 juta pada tahun 2019. Sementara peningkatan sebanyak 9.75% berbanding tahun 2019 bagi kutipan zakat fitrah.

**Perbandingan Prestasi Kutipan Zakat Harta (RM Juta)**




**Perbandingan Prestasi Kutipan Zakat Harta 2016 - 2020**



## Prestasi Kutipan Zakat Fitrah 1440H-1441H (2019-2020)




Di sebalik kemelut ekonomi yang melanda, ZPP masih lagi berjaya mengekalkan momentum pertumbuhannya dengan catatan peningkatan jumlah pembayar zakat pada tahun 2020 iaitu sebanyak 70,677 orang bagi zakat harta berbanding 67,149 pada tahun 2019. Begitu juga jumlah pembayar zakat fitrah meningkat sebanyak 33,228 orang menjadikan jumlah keseluruhan pembayar zakat fitrah pada tahun 2020 sebanyak 756,948 orang.




### Agihan zakat

Pada tahun 2020 yang lalu, ZPP telah mengagihkan wang zakat kepada golongan yang layak di Pulau Pinang sebanyak RM126.5 juta berbanding RM112.4 juta pada tahun sebelumnya (2019). Jumlah pengagihan ini meningkat sebanyak 12.5% dengan perbezaan sebanyak RM14 juta.

### Perbandingan Prestasi Agihan Zakat (RM Juta)




### Perbandingan Prestasi Agihan Zakat Harta 2016 - 2020







Ia berikutan inisiatif ZPP pada tahun 2020 yang melancarkan Skim Bantuan Khas Zakat Covid-19 (SBKZC19) Fasa 1 dan Fasa 2 mengikut keutamaan berdasarkan maqasid syariah. Pendekatan agihan zakat ini adalah menyenaraikan bantuan zakat mengikut keperluan dharuriyat (bantuan utama), hajiyyat (bantuan sekunder) dan tahsiniyat (bantuan pilihan).

## MELANGKAH KE HADAPAN

Tahun 2020 dianggap telah memberi peringatan mengenai titik perubahan utama bagi institusi zakat di Malaysia khususnya ZPP dalam memacu pengurusan zakat dengan lebih efektif, efisien dan responsif. Memandangkan perkembangan pandemik COVID-19 yang masih belum menuju noktah penamatnya, tahun 2021 dijangka mempamerkan perubahan hala tuju yang getir berserta dengan risiko dan ketidaktentuan. Petunjuk semasa bertumpu kepada pertumbuhan ekonomi negara yang masih lagi dalam sentimen bergerak perlahan pastinya memberikan impak kepada ketahanan segmen kutipan zakat dan kemampanan penyaluran dana zakat dengan mengambil kira data-data prospek baharu asnaf yang semakin hari semakin bertambah.

Walaupun berhadapan dengan lanskap ekonomi dunia dan dalam negara yang mencabar, ZPP berjaya mengekalkan kemampanan kutipan dan agihan zakat. Kini, ZPP tetap terus mendepani cabaran yang mendatang. Dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu, besar kemungkinan ZPP perlu mencari kaedah terbaik untuk menambahkan lagi jumlah kutipan zakat bagi memenuhi keperluan asnaf yang dijangka akan meningkat pada tahun mendatang.

Justeru, di tengah-tengah persekitaran ekonomi yang tidak menentu ini juga, pendigitalan dan teknologi kewangan (FinTech) berpotensi untuk berubah dalam membentuk landskap pengurusan zakat di masa hadapan. ZPP sesungguhnya telah belajar dan memahami corak perubahan yang dikehendaki oleh massa dan masa bagi mendepani era revolusi digital pasca COVID-19 dalam pengurusan zakat pada masa akan datang. ZPP selaku amil yang dilantik pemerintah perlu memikirkan langkah terbaik bagi menambahkan lagi sumber baharu zakat dan seterusnya agenda pemerkasaan asnaf yang menjadi agenda utama pada tahun 2021 nanti, insha Allah.



# MAKLUMAT KORPORAT

# VISI DAN MISI ZAKAT PULAU PINANG

## Visi Zakat Pulau Pinang

Mengungguli usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah melalui sistem pengurusan zakat yang profesional & berteknologi.






**1**

Kami menyediakan perkhidmatan berkualiti bagi memudahkan urusan pembayaran dan pengagihan zakat secara efisien, telus dan efektif.

**2**

Kami komited untuk sentiasa memastikan agar amanah muzakki dijaga dan hak asnaf dibela melalui pendekatan maqasid syariah.

**3**

Kami beriltizam untuk memperkasa asnaf menerusi skim bantuan zakat yang bukan sahaja mampu memberikan kemudahan kehidupan malah mengubah mereka menjadi pembayar zakat masa hadapan.

**4**

Kami berazam mengangkat martabat profesion amil selaras dengan petunjuk Al-Qur'an dan Hadith.

# Nilai Teras Bersama : G.I.G.I.H.

**G**

## GIGIH

Kami melaksanakan tanggungjawab dengan penuh disiplin dan kesungguhan serta memberikan hasil yang terbaik dengan perkhidmatan berkualiti.

**I**

## INTEGRITI

Kami komited untuk sentiasa bersikap profesional, adil, menjaga amanah dan beretika tinggi dalam setiap urusan.

**G**

## GERAKERJA BERPASUKAN

Kami bertindak sebagai sebuah pasukan mantap yang saling sokong menyokong dan bantu membantu di antara satu sama lain dengan semangat bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

**I**

## INOVASI

Kami sentiasa berusaha untuk meneroka kaedah yang baharu melalui idea kreatif dan terkini.

**H**

## HORMAT MENGHORMATI

Kami meraikan perbezaan pandangan dan kepelbagaian nuansa, berfikiran positif dan membudayakan akhlak terpuji dalam perhubungan dengan semua pihak.

## MOTO ZAKAT PULAU PINANG




# Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela.


















# Piagam Pelanggan

Kami bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti dan memuaskan hati pelanggan serta layanan yang mesra dan adil kepada pembayar dan penerima bantuan zakat dan dengan itu kami berjanji:

- Memberi maklumat yang jelas dan tepat berkaitan zakat.
- Menyediakan kemudahan pembayaran zakat yang terbaik melalui pelbagai kaedah.
- Memastikan urusan pembayaran di kaunter tidak melebihi 5 minit.
- Menghantar penyata bayaran zakat tahunan kepada pembayar yang membayar melalui skim berkat tidak melebihi 31 Mac pada tahun berikutnya.
- Memastikan pengagihan zakat selaras dengan ketetapan syarak.
- Memberi layanan yang mesra kepada semua yang berurusan di kaunter-kaunter perkhidmatan zakat.
- Menerima semua borang permohonan bantuan yang lengkap dan memproses dalam tempoh 20 hari bekerja.
- Memproses bantuan segera yang layak serta merta.











# Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang Tahun 2020



**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD RAHMAN**
PENGERUSI



**YBhg. SAHIBUS SAMAHAH DATO' SERI DR. HAJI WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR**



**YBhg. DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG**



**YB. DATO' SARUL BAHIYAH BINTI ABU**



**YBhg. DR. ROSLAN BIN AHMAD**



**YBhg. DATO' DR. MUSTAFA KAMAL BIN YUSOFF**



**YBhg. DR. WAN NOR BINTI HASSAN**



**YBhg. TUAN HAJI ZULKIEFLY BIN SAAD**



**YBhg. TUAN HAJI MOHAMED IZAM BIN MOHAMED YUSOF**



**YBhg. ENCIK MUHASDEY BIN MUHAMAD**

# JAWATANKUASA KECIL DI BAWAH ASUZSB / ZPP

## 1 JAWATANKUASA AUDIT, RISIKO DAN INTEGRITI (JARI)

Peranan dan tanggungjawab:

i. Membuat pengawasan dan pemantauan berkenaan pelaporan kewangan, dasar dan kawalan dalam perakaunan Syarikat.

ii. Memantau dan menilai aktiviti-aktiviti Kumpulan Pengurusan dalam menguruskan risiko.

iii. Menyemak dan menilai keberkesanan keseluruhan kawalan dan infrastruktur pengurusan risiko dengan Unit Audit Dalam dan melapor kepada Lembaga Pengarah.

iv. Menyemak dan mengkaji kesempurnaan serta keutuhan sistem kawalan dalaman pengurusan kewangan serta pentadbiran organisasi.

v. Mengkaji Rancangan Audit Tahunan yang disediakan oleh Unit Audit Tahunan yang disediakan oleh Unit Audit Dalam dan membuat cadangan skop penguaditan dan tumpuan audit sekiranya ada, sebelum meluluskannya.

vi. Memastikan tidak terdapat sekatan atau batasan yang tidak wajar yang boleh menjejaskan pelaksanaan audit dalaman dan Unit Audit Dalam diberikan akses yang sesuai pada maklumat dalam pelaksanaan tugasnnya.

vii. Memastikan Unit Audit Dalam mempunyai sumber yang mencukupi dan kakitangan yang kompeten bagi membolehkan ia berfungsi dengan berkesan.

viii. Mengkaji laporan daripada Unit Audit Dalam, Jabatan Audit Negara (sekiranya ada) atau Laporan Audit Luar untuk memastikan semua isu yang dilaporkan diselesaikan dengan memuaskan dan memperakukan tidakan susulan.

ix. Menimbangkan hasil/syor apa-apa kajian semula dalaman tentang keberkesanan fungsi audit dalam untuk meningkatkan prestasi dan jaminan kualiti audit dalam.

## 2 JAWATANKUASA PEROLEHAN (MELEBIHI RM500,000)

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincangkan dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

i. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi meluluskan pembelian bernilai melebihi RM500,000.

ii. Jawatankuasa ini perlu memastikan polisi dan prosedur tender dipatuhi dan proses keputusan tender diuruskan dengan baik.

## 3 JAWATANKUASA KEWANGAN, BELANJAWAN, PELABURAN DAN PEMBANGUNAN

Peranan dan tanggungjawab:

i. Membincangkan dan memperakukan cadangan belanjawan tahunan ASUZSB untuk kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZ.

ii. Memperakukan penyata kewangan tahunan ASUZSB untuk kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

iii. Memperakukan cadangan hapuskira aset tetap serta hutang-hutang yang tidak dapat dituntut untuk kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

iv. Memperakukan cadangan pelaburan ke institusi kewangan untuk kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

v. Melulus dan menerima pakai pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

vi. Lain-lain perkara yang berkaitan dengan kewangan yang tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

vii. Membincang, meneliti serta merancang projek-projek pembangunan dan pelaburan bagi pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

vii. Memperakukan cadangan dasar dan strategi pembangunan dan pelaburan bagi projek-projek pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

ix. Membincang dan memperakukan cadangan peruntukan belanjawan projek pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

x. Memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

xi. Memperakukan laporan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan pelaburan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

xii. Memperakukan cadangan penambaikan atau penamatan mana-mana projek pembangunan dan pelaburan Asnaf Zakat untuk kelulusan Lembaga Pengarah ASUZSB;

xiii. Lain-lain perkara yang berkaitan dengan projek-projek pembangunan Asnaf Zakat tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

# JAWATANKUASA KECIL DI BAWAH ASUZSB / ZPP

## 4 JAWATANKUASA AMIL, FITRAH DAN GURU AGAMA / AL-QURAN

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

i. Membincangkan isu-isu berkaitan Pengelola Amil Fitrah serta membuat keputusan bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit bertujuan melancarkan proses kerja pengurusan zakat fitrah

ii. Mencadangkan penambahbaikan kualiti khidmat dan kecekapan Pengelola Amil dan Amil Fitrah secara berterusan dalam kutipan dan agihan zakat Fitrah

iii. Memantau, menyelaras amil-amil yang sedia ada dan akan datang serta bekerjasama dengan kariah dalam pengurusan amil fitrah

iv. Membuat pengesahan dan kelulusan bayaran saguhati Guru Agama dan Guru Al-Quran.

## 5 JAWATANKUASA PERUMAHAN

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

i. Membincang, meneliti dan meluluskan permohonan bantuan untuk membina atau membaikpulih rumah oleh Asnaf Fakir, Miskin dan Muallaf tertakluk kepada kadar kelulusan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah ASUZSB dari masa ke semasa;

ii. Membincang, mencadang dan memperakukan dasar dan strategi yang berkaitan dengan bantuan bina dan baik pulih rumah untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

iii. Membincang dan memperakukan berhubung bantuan kepada mangsa bencana alam/musibah untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

iv. Menyelesaikan isu-isu dan permasalahan yang berbangkit berhubung bantuan bina dan baik pulih rumah;

v. Memperakukan laporan pelaksanaan program bina dan baik pulih rumah untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

vi. Memperakukan cadangan penambaikan program bantuan bina dan baik pulih rumah untuk kelulusan Lembaga Pengarah ASUZSB;

## 6 JAWATANKUASA KEBAJIKAN ASNAF

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

i. Membincang, mencadang dan memperakukan dasar dan strategi yang berkaitan dengan Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan / Pembedahan untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

ii. Mengkaji dan menetapkan kadar amaun bantuan kewangan bulanan dan bantuan makanan bulanan dari masa ke semasa

iii. Menyelesaikan isu-isu dan permasalahan yang berbangkit berhubung Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan/ Pembedahan

iv. Memantau pelaksanaan pengurusan Pusat Haemodialisis Zakat (PHZ) dan memperakukan laporan Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ) untuk kelulusan Lembaga Pengarah ASUZSB;

v. Mencadang dan memperakukan program pembangunan sosial, kebajikan dan kesihatan untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZ SB;

vi. Memperakukan laporan pelaksanaan program Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan / Pembedahan untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

vii. Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan / Pembedahan program pembangunan sosial, kebajikan dan kesihatan yang sedia ada untuk kelulusan dan perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

vii. Memperakukan cadangan penambaikan atau pemansuhan program yang berkaitan untuk kelulusan Lembaga Pengarah ASUZSB;

ix. Lain-lain perkara yang berkaitan dengan bantuan Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan / Pembedahan tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

# JAWATANKUASA KECIL DI BAWAH ASUZSB / ZPP

## 7 JAWATANKUASA EKONOMI DAN KEUSAHAWANAN ASNAF

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

i. Menggubal dan menyelaras pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan ekonomi dan keusahawanan asnaf di Pulau Pinang untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

ii. Membincang, meneliti serta merancang projek-projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

iii. Menyelaras kegiatan-kegiatan berkaitan kerjasama dua (2) hala dan pelbagai hala yang melibatkan pelbagai jabatan, organisasi, industri dan perdagangan

iv. Membincang dan memperakukan cadangan peruntukan belanjawan projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

v. Menentukan fokus dan hala tuju pembangunan ekonomi dan pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

vi. Menyelaras, memantau, dan melaksana projek-projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

vii. Memperakukan laporan pelaksanaan projek-projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

viii. Memperakukan cadangan penambaikan atau penamatan mana-mana projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Lembaga Pengarah ASUZSB;

ix. Lain-lain perkara yang berkaitan dengan projek-projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

## 8 JAWATANKUASA DERMASISWA PENGAJIAN DAN PENDIDIKAN

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

i. Membincang, mencadang dan memperakukan dasar dan strategi yang berkaitan dengan Bantuan Persekolahan, Bantuan Pendidikan termasuk Bantuan Permulaan ke IPT Dalam Negeri / Luar Negara serta Biasiswa untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

ii. Menyelesaikan isu-isu dan permasalahan yang berbangkit berhubung bantuan persekolahan dan bantuan pendidikan;

iii. Mencadang dan memperakukan program pembangunan modal insaniah bagi kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

iv. Memperakukan laporan pelaksanaan program bantuan persekolahan, bantuan pendidikan dan program pembangunan modal insaniah untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

v. Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan bantuan persekolahan, bantuan pendidikan dan program pembangunan modal insaniah yang sedia ada untuk kelulusan dan perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

vi. Memperakukan cadangan penambaikan atau pemansuhan program yang berkaitan dengan bantuan persekolahan, bantuan pendidikan dan program pembangunan modal insaniah untuk kelulusan Lembaga Pengarah ASUZSB;

vii. Lain-lain perkara yang berkaitan dengan bantuan bantuan persekolahan, bantuan pendidikan dan program pembangunan modal insaniah tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

# JAWATANKUASA KECIL DI BAWAH ASUZSB / ZPP

## 9 JAWATANKUASA PERJAWATAN DAN TATATERTIB

Peranan dan tanggungjawab:

**Bidang Tugas :**

i. Membincang dan memperakukan keputusan tentang struktur perjawatan dan skim perkhidmatan ASUZSB dan lain-lain hal berkaitan perjawatan mengikut keperluan semasa yang telah dikemukakan oleh pihak pengurusan untuk diperakukan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

**Berkaitan Tatatertib**

i. Membincang dan membuat keputusan terhadap kes-kes salah laku disiplin dan tatatertib yang melibatkan semua kakitangan.

ii. Memperakukan tindakan disiplin yang diambil melalui dokumen-dokumen yang berkaitan seperti surat amaran, memorandum, surat pertuduhan, siasatan dalaman, surat pembelaan diri, surat jawapan serta notis tunjuk sebab untuk perbincangan dan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB.

## 11 JAWATANKUASA DAKWAH DAN PROMOSI

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

i. Membincang, mencadang dan memperakukan dasar dan strategi yang berkaitan dengan promosi dan pemasaran zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZSB;

ii. Menyediakan Pelan Strategik Promosi Dan Pemasaran Zakat;

iii. Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan strategi promosi dan pemasaran zakat yang sedia ada;

iv. Mencadangkan penambahbaikan atau pemansuhan aktiviti yang berkaitan untuk kelulusan Lembaga Pengarah ASUZSB;

v. Lain-lain perkara yang berkaitan dengan aktiviti promosi dan pemasaran yang tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZ.

## 10 JAWATANKUASA SEMAKAN SKIM PERKHIDMATAN

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

i. Membincang, mencadang dan memperakukan semakan skim lama dan skim baharu kakitangan ASUZSB;

ii. Menyemak dan mengemaskini skim-skim sedia ada; termasuk skim ASUZSB, PHZ dan Inapan Kasih Sayang;

iii. Mencadangkan penambahbaikan terma-terma baharu atau pemansuhan terma-terma yang tidak lagi bersesuaian dengan keadaan semasa;

iv. Lain-lain perkara yang berkaitan dengan semakan skim dan faedah kakitangan yang bersesuaian dan persetujuan Lembaga Pengarah ASUZSB.

## 12 JAWATANKUASA TABUNG KEMANUSIAAN

Peranan dan tanggungjawab:

Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincang dan membuat perakuan berhubung perkara-perkara berikut:

i. Merancang aktiviti tahunan program misi bantuan dan mengenalpasti masyarakat Islam atau pertubuhan yang memerlukan bantuan dan bentuk bantuan yang boleh disalurkan;

ii. Meluluskan permohonan bantuan/sumbangan kepada pertubuhan di luar Pulau Pinang dan di luar negara;

iii. Mempercepatkan kelulusan dan penyaluran bantuan bencana kepada masyarakat Islam yang terlibat dengan bencana di seluruh dunia;

iv. Menyedia dan membentangkan laporan aktiviti dan perbelanjaan Tabung Sukarelawan ASEAN (IWAZA).

## ORGANISASI ZAKAT PULAU PINANG



# KAUNTER

## Cawangan Perkhidmatan Zakat







Kaunter Perkhidmatan Zakat
### IBU PEJABAT BANDAR PERDA

No.4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Tel : 04-549 8088
: 1 300 88 8808 (Hotline)
Faks : 04 530 6466
E-Mel : admin@zakatpenang.com




Kaunter Perkhidmatan Zakat
### BAYAN BARU

No.81, Tingkat Bawah, Persiaran Mahsuri,
1/3 Sunway Tunas, 11900 Bayan Lepas.
Tel : 04-646 9980
Faks : 04-646 9981




Kaunter Perkhidmatan Zakat
### KEPALA BATAS

No. 2102, Wisma Syeikh Abdullah Fahim,
13200 Kepala Batas.
Tel : 04-578 3300




Kaunter Perkhidmatan Zakat:
### GEORGETOWN

No 34, Lebuh Buckingham,
10200 Georgetown.
Tel : 04-250 1000
Faks : 04-250 1001




Kaunter Perkhidmatan Zakat:
### BUTTERWORTH

No 65, Jalan Selat, Taman Selat,
12000 Butterworth.
Tel : 04-331 3686
Faks : 04-332 1272




Kaunter Perkhidmatan Zakat:
### NIBONG TEBAL

No. 40, Jalan Jawi Jaya 1,
Taman Jawi Jaya,
14300 Nibong Tebal.
Tel : 04-583 3088
Faks : 04-583 3080




Kaunter Perkhidmatan Zakat:
### BALIK PULAU

No. 32 A-G, Jalan Sungai Nipah,
11000 Balik Pulau.
Tel : 04-866 0299




Kaunter Perkhidmatan Zakat:
### AYER ITAM

d/a Masjid Negeri Pulau Pinang,
Jalan Ayer Itam, 11500 Air Itam.
Tel : 04-827 7488



# Sorotan
# Pencapaian ZPP 2020

# KAD LAPORAN PRESTASI 2020

## RINGKASAN LAPORAN PRESTASI KUTIPAN & AGIHAN ZAKAT DI NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH JANUARI – DISEMBER 2020

Walaupun berdepan krisis pandemik Covid-19, Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah mengutip zakat harta sebanyak RM125,297,037.26 dan telah mengagihkan sebanyak RM126,581,574.21 bagi menyantuni golongan asnaf zakat di Negeri Pulau Pinang sepanjang tahun 2020

## PERBANDINGAN PRESTASI KUTIPAN ZAKAT HARTA (RM JUTA)




## PERBANDINGAN PRESTASI PEMBAYAR ZAKAT HARTA BAGI TAHUN 2019 – 2020




## PERBANDINGAN PRESTASI AGIHAN ZAKAT (RM JUTA)




## JUMLAH AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF BAGI TAHUN 2020



## PERBANDINGAN PRESTASI KUTIPAN ZAKAT HARTA 2016 – 2020

| | |
|---|---|
| 2020 | RM125,297,037.26 |
| 2019 | RM116,364,840.21 |
| 2018 | RM114,826,389.91 |
| 2017 | RM96,639,399.00 |
| 2016 | RM92,132,722.00 |

## PERBANDINGAN PRESTASI KUTIPAN ZAKAT FITRAH 1437 – 1441H (2016 – 2020)

| | |
|---|---|
| 1437H | RM4,648,735 |
| 1438H | RM4,814,733 |
| 1439H | RM4,907,823 |
| 1440H | RM5,066,361 |
| 1441H | RM5,560,586.81 |

## JUMLAH KUTIPAN TERKUMPUL TAHUN 2020

Januari - Disember 2020

**RM130,857,624.07**

## PERBANDINGAN PRESTASI SKIM SAKINAH (POTONGAN GAJI) 2019 – 2020

2019: **52.4 juta**

2020: **58.2 juta**

11%

Peningkatan **5.7 juta**

2019 2020

## PRESTASI KUTIPAN 9 KAUNTER ZAKAT TAHUN 2020



Kaunter Perkhidmatan Zakat
IBU PEJABAT BANDAR PERDA
**RM105,095,640.38**




Kaunter Perkhidmatan Zakat
BAYAN BARU
**RM6,979,694.73**




Kaunter Perkhidmatan Zakat
KEPALA BATAS
**RM5,715,417.49**



Kaunter Perkhidmatan Zakat:
LEBUH BUCKINGHAM, GEORGETOWN
**RM3,040,369.26**




Kaunter Perkhidmatan Zakat:
TAMAN SELAT, BUTTERWORTH
**RM1,948,272.85**




Kaunter Perkhidmatan Zakat:
NIBONG TEBAL
**RM1,304,820.04**




Kaunter Perkhidmatan Zakat:
BALIK PULAU
**RM861,332.81**



Kaunter Perkhidmatan Zakat:
MASJID NEGERI AYER ITAM
**RM344,295.70**




Kaunter Perkhidmatan Zakat:
AYER ITAM
**RM7,194.00**

## PERBANDINGAN PRESTASI AGIHAN ZAKAT 2016 – 2020

| | |
|---|---|
| 2020 | RM126,581,574.21 |
| 2019 | RM112,482,232.06 |
| 2018 | RM101,010,171 |
| 2017 | RM99,782,721 |
| 2016 | RM100,982,507 |

## PERBANDINGAN PRESTASI PENERIMA AGIHAN ZAKAT BAGI TAHUN 2019 – 2020

**2019**
**31,821** Orang

**2020**
**41,690** Orang

**Peningkatan**
**9,869 Orang**




## JUMLAH PERATUSAN BANTUAN AGIHAN BERBANDING KUTIPAN ZAKAT TAHUN 2020




**AGIHAN vs KUTIPAN**

# BANTUAN KHAS COVID-19 ZAKAT PULAU PINANG

Zakat Pulau Pinang (ZPP) merupakan institusi zakat di Malaysia yang paling awal telah bergerak dan mara ke hadapan dalam menyantuni rakyat yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Di Negeri Pulau Pinang sebanyak RM15.9 juta bantuan khas telah diperuntukkan daripada dana zakat oleh ZPP.

Berdepan dengan fenomena luar biasa ini, ZPP segera mengambil langkah proaktif dan responsif dalam spektrum sosioekonomi ummah untuk menjadi benteng umat Islam di Pulau Pinang. ZPP menyasarkan bantuan yang bukan sahaja efektif bahkan juga efisien. Hal ini demikian disebabkan penularan pandemik Covid-19 semakin meruncing dan memerlukan perhatian yang serius dan komprehensif.

Antara perkara-perkara yang diberi perhatian oleh ZPP terhadap implementasi bantuan khas dalam tempoh yang kritikal ini adalah:

I Impak yang besar kepada golongan sasar khususnya golongan asnaf dan golongan yang terjejas punca pendapatan dan kelangsungan hidup.

ii. Efisien dalam sistem penyampaian (delivery system) bantuan ZPP supaya sampai ke golongan sasar.

iii. Memastikan penyaluran maklumat bantuan kepada masyarakat dengan pantas.

ZPP komited memastikan pendekatan yang inklusif dan holistik dalam usaha memulihkan sosioekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.

## BANTUAN KHAS COVID-19 TAHUN 2020 (22 Mac sehingga 31 Disember 2020)

| | |
|---|---|
| 01 | Bantuan Peniaga Kecil/Penjaja **RM2,625,000.00** |
| 02 | Bantuan Asnaf Putus Belanja (Kariah Dan Persatuan) **RM1,135,440.00** |
| 03 | Bantuan Sara Hidup Bulanan **RM2,629,300.00** |
| 04 | Bantuan Makanan Bulanan **RM328,844.65** |
| 05 | Bantuan Nyahkuman Masjid & Surau **RM252,400.00** |
| 06 | Bantuan E-Hailing/Pekerja Harian **RM1,884,500.00** |
| 07 | Bantuan Guru Agama Dan Tahfiz **RM733,000.00** |
| 08 | Bantuan Masyarakat Rohingya **RM40,000.00** |
| 09 | Bantuan Nur Ramadan **RM2,158,100.00** |
| 10 | Bantuan Saguhati Hari Raya **RM4,079,050.00** |

### FASA 1

- Dilancarkan pada 22 Mac 2020
- Merupakan Institusi Zakat pertama di Malaysia melancarkan Bantuan Khas
- Bantuan Fasa 1 sebanyak **RM5.4 juta**

### FASA 2

- Bantuan Fasa ke-2 ini menumpukan kepada golongan yang terjejas
- Bantuan kepada frontliner
- Bantuan kepada NGO
- Bantuan Fasa ke-2 sebanyak **RM4.3 juta**

### BANTUAN NUR RAMADAN & SAGUHATI ADILFITRI

- Bantuan Asnaf Fakir dan Miskin
- Melibatkan 8 ribu orang
- Bantuan sebanyak **RM6.2 juta**



# BANTUAN KHAS COVID-19


















## BANTUAN KHAS COVID-19


















# PROGRAM BULAN-BULAN ZAKAT PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2020

Penganjuran Program Bulan-Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 ini merupakan usaha kepada kemuncak aktiviti-aktiviti berimpak tinggi Zakat Pulau Pinang untuk tahun 2020. Tempoh penganjuran Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang adalah selama empat (4) bulan, bermula September hingga Disember tahun 2020.

Bertepatan dengan visi Zakat Pulau Pinang pada tahun ini iaitu mengungguli usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah melalui sistem pengurusan zakat yang profesional dan berteknologi.

Maka objektif penganjuran program bulan-bulan Zakat ini menumpukan kepada tiga (3) aspek utama iaitu;

i. mempromosi dan menyebarluaskan informasi berkaitan kewajipan ibadat zakat dan pengurusan zakat secara profesional.

ii. meningkatkan kefahaman dan keyakinan masyarakat bahawa dana Zakat yang diuruskan oleh Zakat Pulau Pinang adalah sebagai pelengkap kepada program-program pemerkasaan pembangunan sosio-ekonomi ummah di Pulau Pinang.

iii. meningkatkan kefahaman dan pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan sistem pengurusan zakat secara digital yang akan diguna pakai oleh Zakat Pulau Pinang bersesuaian dengan teknologi masa kini.

Sebanyak 17 pengisian program telah diaturkan sepanjang penganjuran bulan-bulan zakat negeri Pulau Pinang. Antaranya:

i. Bermula malam ini, Bacaan Yasin bagi Majlis Pelancaran Bulan-Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020
ii. Pelancaran Portal Zakat Pulau Pinang
iii. Hi-Tea Bersama Guru Besar dan Penyelaras Guru KAFA Pulau Pinang
iv. Talaqqah Zakat Bersama Guru Takmir
v. Jom Syoknya Sekolah
vi. Khutbah Khas Zakat
vii. Kapsul 185 Saat Raudhah ZPP
viii. Dhuha Talk
ix. Ziarah Asnaf
x. Wacana Sinar Harian
xi. Selamat Pagi Malaysia (RTM)
xii. Assalamualaikum (TV al-Hijrah)
xiii. Sembang Santai Zakat (Live FB)
xiv. Kapsul Zakat (TV al-Hijrah)
xv. Pelancaran Model Bahan Rumah Bantuan Zakat
xvi. Live FB Sinar Harian
xvii. Sembang Petang Bersama Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang



# Program Bulan-Bulan Zakat



Majlis Pelancaran Bulan Zakat



Ziarah Kasih Asnaf




Hi-Tea Guru KAFA




Selamat Pagi Malaysia




Wacana Sinar




Dhuha Talk

# PELAN STRATEGIK ZAKAT PULAU PINANG 2020–2022

Pelan Strategik Zakat Pulau Pinang 2020–2022 telah mengemukakan empat (4) teras utama yang menjadi paksi bagi melonjakkan lagi Zakat Pulau Pinang di peringkat lokal dan global selaras dengan visi dan misi Zakat Pulau Pinang yang bertemakan mengungguli usaha mewujudkan keseimbangan sosioekonomi ummah melalui sistem pengurusan zakat yang profesional dan berteknologi. Empat (4) teras tersebut adalah Kewangan, Pelangan, Proses Dalaman dan Kapasiti Organisasi. Dalam Keempat-empat teras ini pula mengandungi 10 strategi yang difokuskan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan dengan 68 inisiatif yang telah dikenal pasti dapat membawa kegemilangan Zakat Pulau Pinang.

Pelan Strategik ZPP 2020–2022 ini juga adalah usaha berterusan yang dibuat pihak pengurusan Zakat Pulau Pinang dalam menetapkan hala tujunya dalam tempoh tiga tahun ke hadapan. Pelan ini boleh dijadikan panduan oleh warga Zakat Pulau Pinang dalam mencapai matlamat kecemerlangan dalam kerangka pengurusan zakat.

Pelan Strategi Zakat Pulau Pinang 2020–2022 ini adalah merupakan edisi keempat perancangan hala tuju organisasi selepas Bengkel Hala Tuju 10 Tahun Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (2003–2013); Bengkel Percambahan Pemikiran Hala Tuju Pusat Urus Zakat Pulau Pinang 2011; dan Sumbang Saran Pemikiran Hala Tuju Zakat Pulau Pinang 2016–2020.

## TERAS STRATEGIK

### KEWANGAN

- Mengenalpasti sumber-sumber zakat baru selaras dengan perkembangan zaman
- Mewujudkan amalan pengurusan kewangan secara berhemah

### PELANGGAN

- Memaksimumkan kepuasan pelanggan dengan mencipta nilai dan pengalaman baru untuk pelanggan
- Menjalin kolaborasi strategik dengan pelbagai pihak untuk meningkatkan kutipan dan mengagihkan zakat dengan effisien
- Mempelbagaikan pendekatan dan medium secara kreatif bagi memaksimumkan capaian maklumat dan dakwah zakat kepada masyarakat
- Mentransformasikan golongan mustahiq kepada muzakki melalui sistem agihan yang berkesan

### PROSES KERJA

- Mengukuhkan tadbir urus korporat supaya bertepatan dengan selari dengan amalan terbaik 'best practices'.
- Meningkatkan tahap profesionalisma dan kecekapan agihan zakat.

### KAPASITI ORGANISASI

- Mendigitalkan pengurusan zakat.
- Memperkasa modal insaniah (human capital development).



# Jabatan
# Operasi Kutipan

# JABATAN OPERASI KUTIPAN

Jabatan Operasi Kutipan (JOK) adalah jabatan utama yang menjadi nadi penggerak kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP). Fungsi utama JOK ialah merancang dan melaksanakan aktiviti dakwah zakat yang merangkumi kutipan zakat harta dan zakat fitrah. Selain itu, segmentasi JOK berfokuskan memberi keyakinan kepada masyarakat Muslim di Pulau Pinang membayar zakat dan memastikan maklumat program pembangunan asnaf dapat disebarkan secara menyeluruh ke semua peringkat. JOK kini diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 5 Pengurus Bahagian.

- **BAHAGIAN DAKWAH AM (BDA)**
- **BAHAGIAN DAKWAH KORPORAT (BDK)**
- **BAHAGIAN FITRAH DAN KAAFALAH**
- **BAHAGIAN KHIDMAT KAUNTER (BKK)**
- **BAHAGIAN DATA PROSPEK (BDP)**

## BAHAGIAN DAKWAH AM (BDA)

Bahagian Dakwah Am merupakan salah satu bahagian di bawah Jabatan Operasi Kutipan Zakat Pulau Pinang. Bahagian ini merupakan salah satu bahagian yang melaksanakan aktiviti dan kempen dakwah zakat di seluruh negeri Pulau Pinang. Bahagian Dakwah Am ini juga berperanan memberi kesedaran berzakat kepada seluruh umat Islam khususnya di negeri Pulau Pinang bagi melaksanakan ibadat zakat melalui Zakat Pulau Pinang sebagai amil yang dilantik oleh Ulil Amri.

### BIDANG TUGAS (Fungsi dan Peranan)

Bahagian Dakwan Am merupakan salah satu bahagian yang berfungsi bagi melaksanakan dan menjalankan aktiviti dakwah zakat di seluruh negeri Pulau Pinang. Pelbagai aktiviti yang dilaksanakan seperti ceramah, taklimat, khutbah, kaunter di agensi-agensi kerajaan dan swasta serta melalui media sosial.

Antara Peranan dan Fungsi Bahagian Dakwah Am:

i. Merancang program dan aktiviti penerangan dan dakwah.

ii. Melaksanakan program dan aktiviti penerangan dan dakwah.

iii. Menyusun dan melaksanakan program serta aktiviti permohonan jemputan dari luar.

iv. Menjawab persoalan dan isu semasa zakat di media sosial.

v. Menjalinkan kerjasama dengan bahagian-bahagian lain.

vi. Mengurus dan memproses permohonan wakalah.

### AKTIVITI BAHAGIAN TAHUN 2020

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 5 Mac 2020 |
| **Nama Program** | : | Majlis Pelancaran Skim Sakinah |
| **Tempat** | : | Audotrium C Bangunan Komtar |
| **Objektif** | : | Menjenamakan semula Skim Potongan Zakat Bulanan |

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 27 Ogos 2020 |
| **Nama Program** | : | Majlis Hi Tea bersama Pembayar Zakat Korporat |
| **Tempat** | : | Ixora Hotel Perai |
| **Objektif** | : | Melahirkan Lebih Ramai Pembayar Zakat Korporat |

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 22-24 September 2020 |
| **Nama Program** | : | Seminar Zakat Online Kontemporari |
| **Tempat** | : | Online Facebook |
| **Objektif** | : | Menyampaikan Kefahaman Berkaitan Zakat |

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 4 Disember 2020 |
| **Nama Program** | : | Forum Perdana Online |
| **Tempat** | : | Online Facebook |
| **Objektif** | : | Menyampaikan Kefahaman Berkaitan Zakat |

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | Sepanjang Bulan Disember 2020 |
| **Nama Program** | : | Celoteh Time ZPP |
| **Tempat** | : | Online Facebook |
| **Objektif** | : | Menyampaikan Kefahaman Berkaitan Zakat |

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | Sepanjang Bulan Disember 2020 |
| **Nama Program** | : | Fiqh Zakat |
| **Tempat** | : | Online Facebook |
| **Objektif** | : | Menyampaikan Kefahaman Berkaitan Hukum Hakam Zakat |

## AKTIVITI BAHAGIAN DAKWAH AM (BDA)























## BAHAGIAN DAKWAH KORPORAT (BDK)

Bahagian Dakwah Korporat (BDK) adalah salah satu bahagian yang diletakkan di bawah Jabatan Operasi Kutipan. BDK merupakan salah satu bahagian yang berfungsi untuk melakukan taksiran ke atas pelbagai sektor perniagaan di sekitar Pulau Pinang.

Sektor perniagaan yang merangkumi, perniagaan tunggal, syarikat perkongsian dan Koperasi mempunyai cara taksiran yang berbeza. Justeru peranan yang dimainkan oleh BDK sangat diperlukan untuk memastikan perkara teknikal berkaitan taksiran zakat perniagaan dapat dilakukan dengan sebaik mungkin.

### BIDANG TUGAS (fungsi dan peranan)

1. Membantu Pengurus Besar dalam urusan kempen dan taksiran Zakat Perniagaan.
2. Memberi bimbingan dan penerangan taksiran Zakat Perniagaan kepada pihak NGO, syarikat dan individu.
3. Melakukan taksiran zakat kepada semua jenis perniagaan sama ada kecil atau besar.
4. Mengadakan sesi kunjungan ke premis perniagaan.
5. Merekod maklumat perniagaan melalui soal selidik atau aktiviti gempur perniagaan mengikut kawasan.
6. Membuat follow up iaitu peringatan pembayaran zakat perniagaan setelah haul zakat sampai.
7. Melakukan aktiviti kutipan zakat kepada syarikat dan individu.
8. Melakukan aktiviti mempromosi zakat.
9. Menyediakan laporan bulanan atau tahunan petunjuk prestasi.
10. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

### AKTIVITI BAHAGIAN TAHUN 2020

| | | |
|---|---|---|
| **Nama Program** | : | Bengkel Taksiran Zakat Siri 1 |
| **Tempat** | : | MPC Kepala Batas |
| **Objektif** | : | Penerangan berkenaan taksiran zakat perniagaan kepada petugas kaunter |

| | | |
|---|---|---|
| **Nama Program** | : | Penganjuran Majlis Pembayaran Zakat Korporat |
| **Tempat** | : | Ixora Hotel Perai |
| **Objektif** | : | Meraikan pembayar zakat korporat |

| | | |
|---|---|---|
| **Nama Program** | : | Program Sembang Petang Persatuan Setiausaha Syarikat Bumiputra Pulau Pinang ( Sutera ) Bersama KPE Zakat Pulau Pinang |
| **Tempat** | : | The Light Hotel |
| **Objektif** | : | Memberi pendedahan dan mencari pembayar baharu |

| | | |
|---|---|---|
| **Nama Program** | : | Program Sembang Petang Pengusaha Farmasi Bersama KPE Zakat Pulau Pinang |
| **Tempat** | : | Hotel Sri Malaysia, Kepala Batas |
| **Objektif** | : | Memberi pendedahan dan mencari pembayar baharu |

| | | |
|---|---|---|
| **Nama Program** | : | Bengkel Taksiran ZakatSiri 2 |
| **Tempat** | : | Hotel Sri Malaysia, Kepala Batas |
| **Objektif** | : | Penerangan berkenaan taksiran zakat perniagaan kepada petugas kaunter dan staff zakat |

| | | |
|---|---|---|
| **Nama Program** | : | Majlis Pembayaran Zakat Korporat |
| **Tempat** | : | Penang Golf Resort, Bertam |
| **Objektif** | : | Meraikan pembayar zakat korporat |

### INISIATIF MEMBANTU PERTAMBAHAN PEMBAYAR ZAKAT PERNIAGAAN TAHUN 2020

1. Pengenalan Sijil Muzakki (Pembayar Zakat Perniagaan).
2. Membuat hebahan pembayar zakat perniagaan dalam laman Facebook Zakat pada setiap bulan.
3. Mengadakan sesi kunjungan pada awal tahun dan mendapatkan tarikh haul pembayaran zakat, kemudian membuat follow up setelah haul sampai.
4. Membuat edaran poster zakat perniagaan di seluruh masjid dan surau termasuk stesen minyak.
5. Kempen melalui WhatsApp dan menyertai group perniagaan
6. Membuat kempen bayaran zakat kepada penerima bantuan covid.
7. Sticker muzakki di kenderaan.

# AKTIVITI BAHAGIAN DAKWAH KORPORAT (BDK)

## PROGRAM SEMBANG PETANG BERSAMA KPE ZAKAT







## KAEDAH VIDEO WHATSAPP







## PENGANJURAN MAJLIS PEMBAYARAN ZAKAT KORPORAT




## KEMPEN RISALAH KEPADA PENIAGA/PREMIS BARU




## KEMPEN POSTER DI STESEN MINYAK UTAMA & KAWASAN HOT SPOT



## BAHAGIAN FITRAH DAN KAFALAH

Bahagian Fitrah dan Kafalah merupakan bahagian yang berfungsi mengelola kutipan dan agihan zakat fitrah Negeri Pulau Pinang. Dalam pada itu, bahagian ini juga memproses bayaran pelbagai jenis saguhati untuk di agihkan kepada penerima. Berikut adalah program di bawah bahagian ini :

1. Bancian Fakir Dan Miskin Hari Raya Aidilfitri
2. Bayaran Saguhati Raya Fakir dan Miskin
3. Kutipan Zakat Fitrah
4. Skim Kafalah Mahabbah
5. Bayaran Saguhati Guru Agama, Guru Al Quran, Guru Takmir
6. Bayaran Saguhati Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid
7. Bayaran Elaun Mesyuarat Jawatankuasa Kariah

### BIDANG TUGAS (fungsi dan peranan)

1. Memastikan urusan kutipan Zakat Fitrah di negeri Pulau Pinang berjalan dengan lancar.
2. Memastikan amil lantikan di Negeri Pulau Pinang didaftarkan dan diberi tauliah untuk urusan kutipan zakat fitrah.
3. Melakukan proses semakan dan pembayaran saguhati fakir miskin Hari Raya kepada asnaf di setiap kariah masjid di negeri Pulau Pinang.
4. Memproses bayaran saguhati Guru Agama & Guru Al Quran.
5. Memproses bayaran saguhati Ahli Jawatankuasa Kariah masjid.
6. Memproses bayaran Elaun Mesyuarat Kariah.
7. Memproses penamaan & bayaran Skim Kafalah Mahabbah.

### AKTIVITI BAHAGIAN TAHUN 2020

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | Disember 2019 – Mac 2020 |
| **Nama Program** | : | Bancian Fakir Miskin Saguhati Raya Kariah Masjid |
| **Tempat** | : | Daerah Kepala Batas |
| **Objektif** | : | Menyemak kembali senarai penerima saguhati samada layak ataupun tidak |

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 21 April 2020 |
| **Nama Program** | : | Sidang Media Pengumuman Tatacara Khas Pembayaran Zakat Fitrah 1441H |
| **Tempat** | : | Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang |
| **Objektif** | : | Menghebahkan pelaksanaan tatacara khas pembayaran zakat fitrah sepanjang tempoh PKP |

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | Jun 2020 |
| **Nama Program** | : | Serahan semula hasil kutipan zakat fitrah oleh amil zakat fitrah |
| **Tempat** | : | Semua daerah |
| **Objektif** | : | Menerima laporan kutipan zakat fitrah oleh kariah masjid. |

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | September 2020 |
| **Nama Program** | : | Bicara Bersama CEO Zakat Pulau Pinang |
| **Tempat** | : | ILP, Kepala Batas, Pulau Pinang |
| **Objektif** | : | Program bicara santai antara Ketua Pegawai Eksekutif bersama Pengerusi ataupun wakil kariah masjid. |

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | Mac 2020 dan disember 2020 |
| **Nama Program** | : | Serahan Skim Kafalah Mahabbah oleh CEO ZPP |
| **Tempat** | : | Daerah Seberang Perai tengah |
| **Objektif** | : | CEO hadir ke rumah penerima skim kafalah Mahabbah untuk menyampaikan |






## AKTIVITI BAHAGIAN FITRAH DAN KAFALAH

### Bancian Fakir Dan Miskin Hari Raya Aidilfitri









### Poster Pembayaran Zakat Fitrah 1441H









## AKTIVITI BAHAGIAN FITRAH DAN KAFALAH

### Pengagihan Kupon Fitrah Kepada Penolong Amil Seluruh Negeri Pulau Pinang







### Penyerahan Skim Kafalah Mahabbah












## BAHAGIAN KHIDMAT KAUNTER (BKK)

Bahagian Khidmat Kaunter merupakan antara bahagian penting dalam Zakat Pulau Pinang yang menjalankan tadbir urus kaunter dan menyediakan khidmat pelanggan kepada umat Islam khususnya di Negeri Pulau Pinang.Bahagian ini terdiri daripada 18 kakitangan iaitu Pengurus Bahagian dan Penolong Pengurus bahagian, 6 orang penyelia kaunter dan 10 orang kerani.Zakat Pulau Pinang terdapat 8 cawangan kaunter yang beroperasi iaitu Kaunter Ibu Pejabat Bandar Perda Bukit Mertajam ,Kaunter Cawangan Kepala Batas, Kaunter Cawangan Taman Selat, Kaunter Cawangan Nibong Tebal, Kaunter CawanganLebuh Bukhingham, Kaunter Cawangan Bayan Baru, Kaunter Cawangan Air Itam ( Masjid Negeri ) dan Kaunter Cawangan Balik Pulau. Kaunter zakat di ibu Pejabat dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu kaunter pembayaran zakat dan kaunter permohonan bantuan zakat.Selain daripada kaunter tetap sedia ada, Bahagian Khidmat Kaunter juga menguruskan perkhidmatan Kaunter Bergerak dan Kaunter Pameran Zakat yang dijadualkan setiap bulan.

### KEMUDAHAN PEMBAYARAN

- Perkhidmatan Kaunter Bergerak
- Bayaran zakat melalui Skim Potongan Zakat Bulanan
- Bayaran di semua 8 cawangan ZPP
- Wakil Kutipan (Wakalah)
- Bayaran Zakat melalui pos
- Kaunter Pameran
- Snap & Pay

### BIDANG TUGAS (fungsi dan peranan)

Bahagian Khidmat Kaunter (BKK) merupakan bahagian yang memberikan khidmat kepada masyarakat umat Islam untuk membuat bayaran zakat dan permohonan bantuan zakat di Negeri Pulau Pinang. Dalam pada itu bahagian ini juga melakukan peranan agar urusan kaunter berjalan dengan lancar.

Berikut adalah fungsi dan peranan BKK:-

i. Memastikan urusan kutipan dan agihan di kaunter berjalan dengan lancar.

ii. Memastikan petugas memberi layanan yang baik kepada pembayar zakat dan pemohon bantuan zakat.

iii. Memastikan keperluan dan barangan kaunter lengkap dan mencukupi di setiap kaunter cawangan dan ibu pejabat.

iv. Menyediakan jadual kaunter tetap bulanan kepada semua kakitangan-kakitangan Zakat Pulau Pinang.

v. Menyediakan jadual kaunter Van Bergerak dan jadual kaunter pameran untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat Islam di Pulau Pinang.

vi. Memproses bayaran kepada pembekal-pembekal untuk pembekalan keperluan kaunter.

vii. Menyemak rekod kutipan petugas-petugas kaunter di semua cawangan kaunter zakat.

### AKTIVITI BAHAGIAN TAHUN 2020

#### i. Kaunter Bergerak

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 11 Mac 2020 |
| **Nama Program** | : | Kaunter Bergerak |
| **Tempat** | : | Tesco Extra Seberang Jaya |
| **Objektif** | : | i. Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat<br>ii. Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat |
| **Tarikh** | : | 12 Mac 2020 |
| **Nama Program** | : | Kaunter Bergerak |
| **Tempat** | : | Masjid Teluk Bahang |
| **Objektif** | : | i. Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat.<br>ii. Dijalankan secara bulanan kerana kawasan tersebut sukar diakses.<br>iii. Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat. |
| **Tarikh** | : | 13 Mac 2020 |
| **Nama Program** | : | Khutbah Jumaat |
| **Tempat** | : | Masjid Teluk Ayer Tawar |
| **Objektif** | : | i. Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat.<br>ii. Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat.<br>iii. Menjalankan dakwah zakat |
| **Tarikh** | : | 18 Mac 2020 |
| **Nama Program** | : | Kaunter Bergerak |
| **Tempat** | : | Jeti Batu Musang Pulau Aman |
| **Objektif** | : | Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat kerana lokasi tersebut sukar diakses. |
| **Tarikh** | : | 20 Mac 2020 |
| **Nama Program** | : | Kaunter Bergerak |
| **Tempat** | : | Masjid Bagan Nyiur Juru |
| **Objektif** | : | i. Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat.<br>ii. Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat.<br>iii. Memberi akses yang lebih mudah kepada penduduk karyah setempat. |

**Tarikh** : 26 Mac 2020
**Nama Program** : Kaunter Bergerak
**Tempat** : Pasaraya Mydin K.Batas
**Objektif** : Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat.

**Tarikh** : 14 Ogos 2020
**Nama Program** : Kaunter Bergerak
**Tempat** : Masjid Teluk Bahang
**Objektif** :
i. Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat.
ii. Dijalankan secara bulanan kerana kawasan tersebut sukar diakses.
iii. Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat.

**Tarikh** : 18 Ogos 2020
**Nama Program** : Kaunter Bergerak
**Tempat** : Pasar Pagi Penaga
**Objektif** : Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat.

**Tarikh** : 19 Ogos 2020
**Nama Program** : Kaunter Bergerak
**Tempat** : Pasaraya Mydin K.Batas
**Objektif** : Membuat promosi/kempen bayaran dan agihan zakat.

**Tarikh** : 27/8/2020
**Nama Program** : Kaunter Bergerak
**Tempat** : Masjid Penaga
**Objektif** :
i. Memudahkan urusan pembayaran zakat dan permohonan bantuan zakat.
ii. Memberi akses yang lebih mudah kepada penduduk karyah setempat.

### ii. Kaunter Pameran

**Tarikh** : 4 Januari 2020
**Program** : Karnival Bakti Perkeso
**Tempat** : Dewan Perda Sg Acheh

**Tarikh** : 15-16 Februari 2020
**Program** : Pameran Expo Pendidikan & Keusahawanan
**Lokasi** : UITM Permatang Pauh

**Tarikh** : 20 Februari 2020
**Program** : Kaunter MPSP
**Tempat** : MPSP Perda

**Tarikh** : 5 Mac 2020
**Program** : Pelancaran Skim Sakinah
**Lokasi** : Komtar Tkt 5

**Tarikh** : 5 Mac 2020
**Program** : Pameran Hari Wanita Sedunia
**Lokasi** : Dewan Sri Pinang

**Tarikh** : 10 September 2020
**Program** : Majlis Pelancaraan Bulan-Bulan Zakat
**Lokasi** : Masjid Timah

### iii. Program Jelajah Khaira Ummah 2020

**Tarikh** : 18/9/2020
**Lokasi** : Masjid Jamek Seberang Jaya

**Tarikh** : 19/9/2020
**Lokasi** : Masjid Jamek Sungai Lokan

**Tarikh** : 2/10/2020
**Lokasi** : Masjid Abdullah Fahim

**Tarikh** : 3/10/2020
**Lokasi** : Masjid Baru Sungai Bakap

## Kaunter Perkhidmatan Zakat









## Perkhidmatan Kaunter Bergerak










## Kaunter Pameran










## Aktiviti Sanitasi dan Pematuhan SOP Kaunter Semasa PKP









**Waktu urusan kaunter ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) 2020.**














# Jabatan
# **Operasi Agihan**

# JABATAN OPERASI AGIHAN (JOA)

Jabatan Operasi Agihan (JOA) merupakan jabatan terpenting ZPP dalam memastikan dana zakat yang diagihkan secara adil, telus dan sampai ke sasaran (asnaf). JOA berfungsi mengurus dan mengendalikan tugas-tugas pengagihan zakat kepada kumpulan asnaf yang memerlukan iaitu asnaf Fakir, Miskin, Amil, Muallaf, Ghorimin, Fisabilillah, Ibnu Sabil dan Ar-Riqab.

Pelbagai kaedah pengagihan bantuan zakat telah dijalankan termasuklah bantuan disalurkan terus ke akaun asnaf seperti bantuan sara hidup sekaligus, kewangan bulanan, bantuan awal persekolahan dan ke institusi pengajian tinggi, dermasiswa pengajian, modal perniagaan serta bantuan bencana alam. Sementara itu, bantuan juga turut diagihkan melalui penganjuran projek pembangunan ekonomi asnaf, penajaan ke pusat kemahiran, bantuan bina dan baikpulih rumah, bantuan melalui pusat rawatan dan pusat jagaan, program tuisyen dan sebagainya telah dilaksanakan di mana penerima bantuan zakat ini sebahagian besarnya ialah individu dan sebahagiannya melalui institusi yang telah dipertanggungjawabkan oleh ZPP, MAINPP bagi menguruskan tugas-tugas membantu asnaf yang memerlukan.

Disamping melaksanakan program-program pengagihan zakat dengan gigih dan berintegriti, JOA juga bertanggungjawab memperkasakan skim agihan bantuan zakat sedia ada dengan kaedah dan pelaksanaan yang terkini bersesuaian dengan arus masa dan teknologi, seterusnya merancang skim dan kaedah pengagihan baru seiring dengan tuntutan semasa. Dalam tugas agihan zakat, tiga prinsip utama sentiasa diterapkan iaitu menepati peraturan dan hukum, mendasari keperluan sebenar asnaf serta mengamalkan prosedur tugas (SOP) dan kewangan yang ditetapkan. Sehingga kini, JOA mempunyai tujuh Bahagian yang berfungsi melaksanakan program pengagihan bantuan zakat kepada golongan asnaf iaitu;

i. **Bahagian Kebajikan Asnaf (BKA)**
ii. **Bahagian Institusi Dan Pendidikan (BIP)**
iii. **Bahagian Dermasiswa Pengajian (BDM)**
iv. **Bahagian Perumahan Asnaf (BPA)**
v. **Bahagian Keusahawanan Asnaf BKU)**
vi. **Bahagian Projek Khas (BPK)**
vii. **Bahagian Khidmat Kesihatan (PHZ)**

## BAHAGIAN KEBAJIKAN ASNAF (BKA)

Bahagian Kebajikan Asnaf dibawah Jabatan Operasi Agihan, Zakat Pulau Pinang berperanan penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi asnaf di Negeri Pulau Pinang dalam menangani masalah kemiskinan bandar dan luar bandar.

### BIDANG TUGAS

Tugas-tugas sedia ada Bahagian Kebajikan Asnaf meliputi aspek-aspek memberi bantuan yang bersifat sementara seperti bantuan kewangan sekaligus, bantuan kewangan kecemasan, bantuan bencana alam, bantuan Nur Ramadan, bantuan pembedahan, bantuan perubatan, dan peralatan sokongan. Bagi kategori asnaf yang lebih mendesak, kaedah agihan bantuan yang bersifat berpanjangan disalurkan seperti bantuan kewangan bulanan, bantuan makanan bulanan, bantuan perubatan bulanan, rawatan dialisis, dan bantuan tajaan asnaf di pusat-pusat jagaan. Secara asasnya, tanggungjawab Bahagian Kebajikan Asnaf merangkumi perkara-perkara berikut:

i. Mengagihkan kutipan zakat kepada lapan asnaf mengikut program dan skim yang telah ditetapkan dalam anggaran belanjawan zakat secara cekap dan berkesan serta memenuhi kehendak syariat bagi asnaf yang dibantu.

ii. Mengenal pasti golongan fakir dan miskin yang perlu dibantu dan memastikan keperluan asas kehidupan mereka dipenuhi bagi meneruskan kelangsungan hidup yang lebih selesa dan seterusnya dapat berdikari.

iii. Menyiasat dan memproses permohonan bantuan untuk menentukan kesahihan dan kelayakan mengikut garis panduan dan kelayakan yang telah ditetapkan.

iv. Merangka, menilai, dan memastikan kadar bantuan yang disalurkan mengikut pada keperluan semasa.

v. Memantau dan memastikan pusat dialisis dan pusat jagaan yang dilantik menyediakan perkhidmatan yang bermutu dan berkualiti.

vi. Mengukuhkan kerjasama dengan semua pihak termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, jawatankuasa kariah dan orang awam dalam membantu golongan yang layak menerima zakat.

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 23 Februari 2020 |
| **Nama Program** | : | Program Ziarah Kasih Rahmah 2020 anjuran Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR) |
| **Tempat** | : | Batu Uban dan Sungai NIbong |
| **Objektif** | : | Membantu meringankan beban golongan fakir dan miskin daripada kalangan penerima Bantuan Kewangan Bulanan, Zakat Pulau Pinang |

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 1 Mac 2020 |
| **Nama Program** | : | Le Tour Charity @ Pulau Aman |
| **Tempat** | : | Pulau Aman |
| **Objektif** | : | Menyantuni golongan fakir dan miskin serta mewujudkan kerjasama dengan pihak qaryah. |

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 29 Jun 2020 |
| **Nama Program** | : | Program Penyerahan Musaadah Covid-19 |
| **Tempat** | : | Seberang Perai Utara |
| **Objektif** | : | Membantu meringankan beban pihak yang terjejas akibat wabak Covid-19 di sepanjang tempoh PKPP. |

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 21 Oktober 2020 |
| **Nama Program** | : | Program Ziarah Kasih Asnaf |
| **Tempat** | : | Bukit Mertajam |
| **Objektif** | : | Menghubungkan silaturrahim antara muzakki (pembayar zakat) dan mustahiq (penerima bantuan zakat) |

## AKTIVITI BAHAGIAN KEBAJIKAN ASNAF (BKA)

### PROGRAM ZIARAH KASIH RAHMAH 2020







### PROGRAM ZIARAH KASIH RAHMAH 2020





### Program Penyerahan Musaadah Covid-19





## Bahagian Institusi Dan Pendidikan (BIP)

Bahagian Institusi dan Pendidikan berperanan penting sebagai medium meningkatkan kualiti pembangunan dan pendidikan bagi golongan asnaf zakat keluar dari kemiskinan melalui kecemerlangan pendidikan.

Tugas-tugas sedia ada meliputi aspek-aspek pembiayaan pendidikan seperti bantuan awal persekolahan, sumbangan kepada program keagamaan dan motivasi, program-program tajaan pelajar, program didik cemerlang akademik, program kemudahan tempat belajar, infrastruktur pendidikan, pembiayaan institusi MAINPP, Inapan Kasih Sayang serta Pusat Latihan Zakat, yang merangkumi perkara-perkara berikut:

i. Membangunkan modal insan yang berkualiti untuk melahirkan generasi pewaris yang berdaya saing dan cemerlang.

ii. Mempertingkatkan kemudahan dan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

iii. Melaksana dan merancang pelbagai program dan aktiviti yang meningkatkan prestasi pelajar.

iv. Memperkasa dan meningkatkan mutu pendidikan melalui dana-dana yang dibekalkan kepada golongan asnaf

v. Memastikan pendidikan kepada golongan asnaf terus mengikuti perubahan teknologi semasa dan tidak ketinggalan zaman.

| BIL | PROGRAM | OBJEKTIF | SASARAN ASNAF |
|---|---|---|---|
| 1 | Bantuan Awal Persekolahan | Memberi bantuan kepada kumpulan asnaf fakir dan miskin yang mempunyai anak-anak yang menuntut di sekolah rendah atau menengah agar tidak tercicir dalam pelajaran dan seterusnya meningkatkan taraf sosial keluarga. | Fakir dan Miskin |
| 2 | Bantuan Pakaian Seragam | Menyalurkan keperluan peralatan sekolah seperti pakaian seragam sekolah, beg sekolah dan alat tulis kepada anak-anak asnaf pada permulaan sesi persekolahan. | Miskin |
| 3 | Bantuan Permulaan Ke IPT (Dalam Negara) | Membantu meringankan bebanan pelajar-pelajar untuk menampung perbelanjaan awal kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPTA/IPTS) dalam negara. | Fakir dan Miskin |
| 4 | Bantuan Permulaan Ke IPT (Luar Negara) | Membantu meringankan bebanan pelajar-pelajar untuk menampung perbelanjaan awal kemasukan ke institusi pengajian tinggi di luar negara. | Ibnu Sabil |
| 5 | Bantuan Berkanun Kepada SMAI | Membantu membiayai segala keperluan asas dan pengurusan pihak sekolah-sekolah menengah agama rakyat yang berdaftar dengan MAINPP. | Fisabilillah |
| 6 | Biasiswa kecil SMAI | Membantu para pelajar Sekolah Menengah Agama Rakyat yang berasal daripada keluarga yang tidak atau kurang berkemampuan untuk meneruskan pembelajaran di sekolah-sekolah menengah agama rakyat yang berdaftar dengan MAINPP. | Fisabilillah |
| 7 | Sumbangan Kepada Aktiviti Keagamaan – program motivasi | Membantu pihak kariah, sekolah, surau dan pertubuhan yang melaksanakan aktiviti keagamaan tetapi tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkenaan. | Fisabilillah |

| BIL | PROGRAM | OBJEKTIF | SASARAN ASNAF |
|---|---|---|---|
| 8 | Program Kemudahan Tempat Belajar (Prep Class) | Mewujudkan suasana persekitaran pembelajaran yang kondusif dan aktu yang berkualiti kepada pelajar-pelajar muslim untuk mengulangkaji pelajaran. | Miskin |
| 9 | Tuisyen/Bengkel (Anjuran ZPP)<br>i. MPDCA<br>Dikenali sebagai Program Mutiara Didik Cemerlang Akademik (MPDCA) dan dilaksanakan secara bersepadu antara Jabatan Pendidikan Negeri dengan agensi-agensi iaitu ZPP, PERDA dan Bahagian Penyertaan Bumiputera ICU | Meningkatkan prestasi akademik (kualiti & kuantiti) dalam kalangan pelajar untuk peperiksaan UPSR dan SPM di negeri Pulau Pinang. | Fisabilillah |
| 10 | Program Tajaan Kursus Kemahiran<br>i. NAZA Academy<br>ii. Penang Skills Development Centre (PSDC)<br>iii. Akademi Binaan Malaysia (ABM)<br>iv. Malaysia Professional Accountacy Centre (MYPAC)<br>v. Kulim Advance Technologies (KAT) | Memberikan latihan kemahiran kepada pelajar-pelajar dari keluarga fakir dan miskin melalui kursus-kursus kemahiran yang diiktiraf oleh Sijil Kemahiran Malaysia. Menaja program latihan dari SKM 2 hingga ke peringkat diploma. | Miskin |
| 11 | Sumbangan Kepada Aktiviti Keagamaan | Membantu pihak kariah, sekolah, surau dan pertubuhan yang melaksanakan aktiviti keagamaan tetapi tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkenaan. | Fisabilillah |
| 12 | Peralatan Dan Buku Ibadat Untuk Surau/Masjid/Sekolah | Membantu surau, sekolah atau pertubuhan yang tidak mempunyai peralatan asas seperti sistem siaraya, sejadah, buku-buku rujukan dan sebagainya bagi memenuhi keperluan mereka. | Fisabilillah |
| 13 | Sumbangan Kepada KITAB | Membiayai pengurusan dan pentadbiran Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang. | Fisabilillah |
| 14 | Sumbangan Kepada TADIS | Membiayai pengurusan dan kebajikan Tadika Islam. | Fisabilillah |
| 15 | Program-Program JAIPP (Takmir) | | Fisabilillah |
| 17 | Program-Program JAIPP (Khutbah) | | Fisabilillah |
| 18 | Program JAIPP (Pendidikan) | | Fisabilillah |
| 19 | Program JAIPP (Kafa) | | Fisabilillah |
| 20 | Pusat Latihan Zakat (Pulaza) | | Fisabilillah |
| 21 | Inapan Kasih Sayang | | Fisabilillah |

## AKTIVITI BAHAGIAN INSTITUSI DAN PENDIDIKAN (BIP)



Majlis Penyerahan Bantuan Biasiswa Kecil Sekolah Menengah Agama Rakyat (Smar) & Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Pulau Pinang



Lawatan ke Malaysian Professional Accountancy Centre (MyPac)



Program Taklimat Guru Penyelaras MPDCA Sekolah Di Bawah Tajaan Zakat Pulau Pinang







## Bahagian Dermasiswa Pengajian (BDM)

Bahagian Dermasiswa Pengajian (BDM) merupakan bahagian yang menguruskan aktiviti-aktiviti bantuan yang melibatkan bantuan-bantuan pendidikan tinggi di negeri Pulau Pinang.

Antara bantuan-bantuan yang ditawarkan ialah Bantuan Dermasiswa Pengajian bagi membantu meringankan beban kewangan mahasiswa/mahasiswi yang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Dermasiswa Pengajian dan Pendidikan ASUZ samada di dalam atau luar negara pada peringkat Diploma, Markaz Lughah (Mesir), Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana Muda Perubatan, Sarjana dan PhD. Terbuka kepada semua kursus yang memberi manfaat kepada agama dan masyarakat.

### BIDANG TUGAS

i. Menawarkan Bantuan Dermasiswa Pengajian di Institusi Pengajian Tinggi kepada mahasiswa dan mahasiswi melalui portal Zakat Pulau Pinang.

ii. Menerima dan mengurus permohonan Bantuan Dermasiswa Pengajian peringkat Diploma, Markaz Lughah (Mesir), Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana Muda Perubatan, Sarjana dan PhD meliputi memeriksa dokumen, mengasingkan mengikut institusi pengajian, tahap pengajian, dalam negara, luar negara, permohonan yang lulus dan permohonan yang gagal.

iii. Menguruskan permohonan bantuan bagi Persatuan-Persatuan Pelajar Luar Negara.

iv. Merancang dan melaksanakan program bantuan pendidikan melalui dana yang telah diluluskan.

v. Membantu melancarkan bantuan agihan Zakat Pulau Pinang melalui Bantuan Pendidikan.

### AKTIVITI BAHAGIAN DERMASISWA PENGAJIAN (BDM)

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 2 November 2020 |
| **Nama Program** | : | Majlis Penyerahan Bantuan Dermasiswa Pengajian Tahun 2020 |
| **Tempat** | : | Hotel Ixora, Perai |
| **Objektif** | : | Membantu meringankan beban kewangan mahasiswa / mahasiswi yang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Dermasiswa Pengajian dan Pendidikan ZPP samada di dalam atau luar negara |

AKTIVITI BAHAGIAN DERMASISWA PENGAJIAN (BDM)












## Bahagian Perumahan Asnaf (BPA)

Bahagian Perumahan Asnaf (BPA) merupakan bahagian yang menguruskan skim-skim agihan Zakat Pulau Pinang yang berkaitan dengan bantuan perumahan. Skim-skim tersebut ialah, Skim Bantuan Baik Pulih Rumah, Skim Rumah Asnaf, Skim Bantuan Penyambungan Bekalan Air dan Elektrik, serta Program Makmal Sosio-Akedemik, Sungai Nibong (MASA@SUNGAINIBONG).

**BIDANG TUGAS**

Bagi menguruskan skim-skim tersebut, BPA menjalankan peranan seperti senarai berikut;

i. Membuat saringan awal, menemuduga, membuat siasatan serta mendapatkan kelulusan bagi memproses permohonan semua skim yang terlibat.

ii. Memberi taklimat teknikal kepada setiap kontraktor sebelum memulakan kerja.

iii. Membuat pemantauan dan pemeriksaan secara berkala sepanjang kerja pembinaan untuk Skim Baikpulih Rumah dan Skim Inapan kasih.

iv. Membuat pemeriksaan akhir setelah kerja pembinaan siap sebelum memproses dan mendapatkan kelulusan untuk bayaran kontraktor.

v. Membuat laporan kemajuan skim-skim agihan yang terlibat secara berkala kepada pengurusan ZPP dan Jawatankuasa Perumahan As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. (ASUZSB).

Selain itu, BPA turut berperanan dalam memberi khidmat nasihat dan kemahiran teknikal kepada bahagian-bahagian lain di dalam ZPP seperti senarai berikut;

1. Membantu Bahagian Perolehan dalam membuat saringan dan pendaftaran kontraktor sebagai vendor ZPP.
2. Membantu Bahagian Perolehan dalam mendapatkan anggaran jabatan bagi kerja-kerja penyelenggaraan bangunan-bangunan dan fasiliti milik ZPP sebelum proses pelantikan kontraktor.
3. Membantu Bahagian Aset dalam membuat pemantauan pada kontraktor yang menjalankan kerja pada mana-mana bangunan atau fasiliti milik ZPP.
4. Membantu bahagian Aset dalam membuat perancangan dan rekabentuk untuk kerja penambahan atau renovasi pada mana-mana bangunan atau premis milik ZPP.

### AKTIVITI BAHAGIAN PERUMAHAN ASNAF (BPA)










## BAHAGIAN KEUSAHAWANAN ASNAF (BKU)

Bahagian Keusahawanan Asnaf (BKU) merupakan bahagian yang menguruskan bantuan perniagaan asnaf dan usahawan asnaf di Zakat Pulau Pinang dengan mengenalpasti peniaga dan usahawan di bawah asnaf yang berpotensi untuk dimajukan.

Pemberian Skim Bantuan Usahawan adalah bertujuan untuk membantu golongan usahawan Asnaf yang melibatkan diri dalam perniagaan yang berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan mempunyai pendaftaran perniagaan (SSM). Skim ini bersifat sebagai skim galakan dan naiktaraf usahawan dan berkelayakan untuk menerima bantuan perniagaan berbentuk modal atau peralatan perniagaan (Alatan mesin/ pakaging).

### BIDANG TUGAS

Berikut adalah fungsi dan peranan BKU:-

Bagi menguruskan skim-skim tersebut, BPA menjalankan peranan seperti senarai berikut;

i. Mengenalpasti borang permohonan yang lengkap dan layak untuk diberikan bantuan perniagaan dan usahawan dengan layanan mesra.

ii. Membimbing asnaf mengurus kewangan perniagaan agar lebih tersusun.

iii. Membuat pemantauan bagi memastikan perniagaan dijalankan mengikut kehendak Bahagian Keusahawanan dan Zakat Pulau Pinang melalui penghasilan produk halal.

iv. Mendidik asnaf sehingga berjaya dan berkelayakan mengeluarkan kewajipan berzakat pada masa hadapan.

v. Menyediakan kursus bersesuaian dengan keperluan semasa agar peniaga dan usahawan lebih bersemangat untuk memajukan diri.

vi. Memberikan pendekatan pemasaran dan memupuk semangat sayangkan produk yang dikeluarkan dan bersungguh-sungguh menjalankan usaha pemasaran.

vii. Melahirkan lebih ramai ikon usahawan pada masa akan datang.

viii. Mengenalpasti keperluan asnaf dalam bentuk modal pusingan atau peralatan untuk meningkatkan produk.

### AKTIVITI BAHAGIAN KEUSAHAWANAN ASNAF (BKU)

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 12-15/08/2020 |
| **Nama Program** | : | My Beedan |
| **Tempat** | : | Hotel Sri Malaysia Kepala Batas |
| **Objektif** | : | Membantu usahawanita untuk lebih Berjaya |
| **Tarikh** | : | 17/9/2020 |
| **Nama Program** | : | Seminar Halal Jakim |
| **Tempat** | : | The Lights |
| **Objektif** | : | Membantu usahawan mempelajari teknik untuk dapatkan sijil halal |
| **Tarikh** | : | 03/11/2020 |
| **Nama Program** | : | Temuduga program Ummi Terapy kerjasama dengan KKM-ZPP |
| **Tempat** | : | Klinik Kesihatan Seberang Jaya |
| **Objektif** | : | Amalan dan Undang-undang perbidanan |
| **Tarikh** | : | 17-19/07/2020 |
| **Nama Program** | : | Latihan dan Bimbingan Usahawan (People System) |
| **Tempat** | : | Seberang Jaya |
| **Objektif** | : | Sistem Pengurusan dan Pemasaran |
| **Tarikh** | : | 18 -20/12/ 2020 |
| **Nama Program** | : | Program Internasional Inspirasi Khadijah |
| **Tempat** | : | Cititel Hotel |
| **Objektif** | : | Rangkaian Promosi Produk Antarabangsa |

### AKTIVITI BAHAGIAN KEUSAHAWANAN ASNAF (BKU)





## BAHAGIAN PROJEK KHAS (BPK)

Bahagian Projek Khas (BPK) merupakan bahagian yang menjalankan bantuan agihan berbentuk produktif. BPK diberikan tanggungjawab menyelaras projek-projek ZPP yang merangkumi Zakat Mart, Projek Peladang Nanas, Bengkel Jahitan, Bengkel Masakan dan Projek Ternakan Ayam Kampung. Misi BPK adalah bagi memastikan setiap asnaf yang terlibat diberikan kemahiran yang merangkumi bimbingan pertanian, penternakan, jahitan, masakan dan perniagaan runcit bagi menyediakan mereka ke arah menjadi pembayar zakat.

| BIL | PROJEK | OBJEKTIF | ASNAF |
|---|---|---|---|
| 1 | Zakat Mart Balik Pulau | Memberi bantuan kepada kumpulan asnaf fakir dan miskin yang terpilih bagi meningkatkan taraf hidup dengan menyediakan projek kedai serbaneka (zakat mart) sebagai persediaan dan latihan untuk menjadi usahawan atau pekerja. | fakir dan miskin |
| 2 | zakat mart tasek gelugor<br>taman gelugor indah | memberi bantuan kepada kumpulan asnaf fakir dan miskin yang terpilih bagi meningkatkan taraf hidup dengan menyediakan projek kedai serbaneka (zakat mart) sebagai persediaan dan latihan untuk menjadi usahawan atau tenaga kerja. | fakir dan miskin |
| 3 | bengkel masakan<br>- teluk air tawar<br>- machang bubuk<br>- sg setar<br>- atrium | memberi bantuan kepada kumpulan asnaf fakir dan miskin yang terpilih bagi meningkatkan taraf hidup mereka dengan menyediakan projek bengkel jahitan dan masakan sebagai latihan dan kemahiran untuk diusahakan pada masa akan datang. | fakir dan miskin |
| 4 | bengkel masakan penaga | memberi bantuan kepada kumpulan asnaf fakir dan miskin yang terpilih bagi meningkatkan taraf hidup mereka dengan menyediakan projek bengkel masakan sebagai latihan dan kemahiran untuk diusahakan pada masa akan datang. | fakir dan miskin |
| 5 | Bengkel Jahitan<br>- Teluk Air Tawar<br>- Tasek Gelugor<br>- Cherok Tok Kun<br>- Mengkuang Mak Sulong<br>- Machang Bubok<br>- Tanah Liat | memberi bantuan kepada kumpulan asnaf fakir dan miskin yang terpilih bagi meningkatkan taraf hidup mereka dengan menyediakan projek bengkel jahitan sebagai latihan dan kemahiran untuk diusahakan pada masa akan datang. | fakir dan miskin |
| 6 | Projek Ladang Nanas | memberi bantuan kepada kumpulan asnaf fakir dan miskin yang terpilih bagi meningkatkan taraf hidup dengan menyediakan projek tanaman nanas untuk diusahakan. | fakir dan miskin |
| 7 | Projek Ternakan Ayam Kampung | memberi bantuan kepada kumpulan asnaf fakir dan miskin yang terpilih bagi meningkatkan taraf hidup dengan menyediakan projek ternakan ayam kampung. | fakir dan miskin |

## AKTIVITI BAHAGIAN PROJEK KHAS (BPK)


















## BAHAGIAN KHIDMAT KESIHATAN (PHZ)

Bahagian Perkhidmatan Kesihatan berada di bawah Jabatan Operasi Agihan (JOA) Zakat Pulau Pinang. Bahagian ini menguruskan operasi Pusat Hemodialisis Zakat, salah satu program agihan kendalian Zakat Pulau Pinang. Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ) menawarkan perkhidmatan rawatan hemodialisis kepada asnaf fakir dan miskin yang mengalami kegagalan fungsi buah pinggang peringkat akhir.

Sehingga kini, PHZ mempunyai seramai 215 orang pesakit yang sedang menerima rawatan di semua 8 cawangan PHZ dengan kapasiti mesin hemodialisis sebanyak 52 unit dan tenaga kerja terlatih berjumlah 44 orang.

PHZ menerima peruntukan tahunan daripada kutipan Zakat Pulau Pinang untuk menjalankan tanggungjawab ini. Secara purata, ZPP memperuntukan diantara RM7 – 9 juta setahun bagi mengendalikan PHZ.

### BIDANG TUGAS

PHZ berperanan menguruskan pentadbiran dan operasi semua cawangan PHZ. Ini termasuk bayaran emolumen kakitangan dan doktor perubatan, pembelian ubat-ubatan dan keperluan rawatan, sewa, utiliti, penyelenggaraan serta hal – hal lain yang berkaitan.

PHZ juga memproses kemasukan pesakit ke PHZ setelah permohonan bantuan rawatan hemodialisis diluluskan oleh Zakat Pulau Pinang. Selain itu, bahagian ini bertanggungjawab dalam memproses permohonan bantuan suntikan EPO pesakit yang mendapat rawatan di luar PHZ.

### CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN




### AKTIVITI BAHAGIAN KHIDMAT KESIHATAN (PHZ)

| TARIKH | NAMA PROGRAM/AKTIVITI | TEMPAT | OBJEKTIF |
|---|---|---|---|
| 7 Mac 2020 – 21 Julai 2020 | Kerja-Kerja Pengubahsuaian dan Naiktaraf Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Butterworth | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Butterworth | Menyediakan dan memastikan susun atur premis mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan seperti dalam Akta 586; Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998. |
| 9 Jun 2020 – 28 Ogos 2020 | Kerja-Kerja Pindaan dan Tambahan Dalaman 2 Unit Kedai Pejabat bagi Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Kepala Batas. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Kepala Batas | Pembesaran ruang rawatan daripada 5 unit mesin hemodialisis kepada 10 unit mesin untuk menampung pertambahan bilangan pesakit yang ingin mendapatkan rawatan di PHZ. |

| TARIKH | NAMA PROGRAM/AKTIVITI | TEMPAT | OBJEKTIF |
|---|---|---|---|
| 16 Jun 2020 – 16 September 2020 | Kerja – Kerja Pindaan dan Tambahan Dalaman 2 Unit Kedai Pejabat bagi Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Bukit Mertajam | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Bukit Mertajam | Pembesaran ruang rawatan daripada 6 unit mesin hemodialisis kepada 12 unit mesin untuk menampung pertambahan bilangan pesakit yang ingin mendapatkan rawatan di PHZ. |
| 16 Ogos 2020 | Program Pembangunan Staf PHZ 2020. | Hotel Ixora, Perai, Pulau Pinang | Pertemuan antara pengurusan tertinggi ZPP dengan kakitangan PHZ bagi menyampaikan amanat khas pengurusan kerja oleh Ketua Pegawai Eksekutif. |
| 15 Sept 2020 | Pemasangan sistem baru Reverse Osmosis (RO). | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Kepala Batas | Pemasangan sistem baru dengan kapasiti 6000L tangki penyimpanan air bagi menampung pertambahan bilangan pesakit. |
| 11 Nov 2020 | Pemilikan tanah Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Tasek Gelugor kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dari Pejabat Tanah Daerah SPU. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Tasek Gelugor | Permohonan pemilikan tanah untuk meneruskan operasi PHZ bagi melayakkan permohonan perlesenan. |
| 7 Dis 2020 – 7 Mac 2021 | Kerja – Kerja Pindaan Dan Tambahan Dalaman 1 Unit Kedai Pejabat (Pusat Hemodialisis Harian) | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Balik Pulau | Menyediakan dan menaiktaraf premis mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan seperti dalam Akta 586; Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998. |
| 26 Dis 2020 | Sumbangan 1 unit mesin hemodialisis daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Bukit Mertajam | Tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada Pusat Hemodialisis Zakat dari sumber wakalah. |

**PENGGUNAAN PERUNTUKAN BAHAGIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN BAGI TAHUN 2020**

| BIL. | CAWANGAN | PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Pejabat Bahagian Perkhidmatan Kesihatan | 411,848.40 |
| 2. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Butterworth | 702,327.20 |
| 3. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Balik Pulau | 573,453.19 |
| 4. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Bukit Mertajam | 1,017,784.50 |
| 5. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Nibong Tebal | 906,256.01 |
| 6. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Georgetown | 824,385.65 |
| 7. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Kepala Batas | 990,751.54 |
| 8. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Tasek Gelugor | 1,109,183.74 |
| 9. | Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Bayan Lepas | 634,063.94 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **7,170,054.17** |

## PERUNTUKAN BANTUAN SUNTIKAN ERYTHROPOIETIN (EPO) KEPADA PESAKIT LUAR PHZ BAGI TAHUN 2020

| Bil. | Bulan | Bilangan Penerima (orang) | Perbelanjaan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | Januari | 195 | 32,276.00 |
| 2. | Februari | 195 | 32,754.00 |
| 3. | Mac | 175 | 29,488.00 |
| 4. | April | 180 | 29,844.00 |
| 5. | Mei | 191 | 31,456.00 |
| 6. | Jun | 180 | 29,676.00 |
| 7. | Julai | 183 | 28,852.00 |
| 8. | Ogos | 156 | 25,888.00 |
| 9. | September | 186 | 30,000.00 |
| 10. | Oktober | 179 | 28,496.00 |
| 11. | November | 196 | 31,738.00 |
| 12. | Disember | 202 | 33,118.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **363,586.00** |

## SEKITAR SITUASI PERAWATAN DI PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT







## PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT



Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Butterworth



Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Balik Pulau



Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Bukit Mertajam



Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Nibong Tebal



Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Georgetown



Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Kepala Batas



Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Tasek Gelugor



Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Bayan Lepas

## INAPAN KASIH SAYANG (IKS)

Inapan Kasih Sayang atau ringkasnya disebut sebagai IKS merupakan hasil daripada Mesyuarat MAINPP Bil. 3/2010 yang meluluskan pengurusan Kompleks Anak Miskin di atas sebahagian Lot 4188, Mk. 8, SPU tanah milik Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sebagai tempat perlindungan dan penempatan anak-anak Fakir dan miskin yang terpilih di bawah pengurusan Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang ( PUZ, MAINPP).

IKS telah disumbangkan oleh Inai Kiara Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Yayasan al-Bukhari bagi merealisasikan penubuhan asrama anak-anak miskin Islam di Pulau Pinang.

### FASILITI / KEMUDAHAN

Asrama ini mempunyai tiga blok utama iaitu asrama lelaki, asrama perempuan dan bangunan pentadbiran termasuk pejabat, dewan utama, kantin dan surau. Asrama ini mempunyai 60 bilik dengan jumlah penghuni bagi setiap bilik seramai 3 orang

### MULA BEROPERASI

Inapan Kasih Sayang telah mula dibuka secara rasminya bermula sesi persekolahan 2012 kepada pelajar-pelajar darjah empat, lima dan enam dengan pengambilan pertama (first batch) seramai 86 orang dengan 52 orang pelajar perempuan dan 34 orang pelajar lelaki. Semua penghuni asrama ini bersekolah di Sekolah Kebangsaan Ara Rendang, Kepala Batas. IKS juga telah menerima kelulusan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai Pusat Jagaan Kanak-Kanak sehingga tahun 2016.

### BIDANG TUGAS

- Membantu golongan fakir miskin (asnaf) di Pulau Pinang untuk mengurangkan beban yang ditanggung demi kelangsungan hidup.
- Melahirkan ummah yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah.
- Membantu anak-anak asnaf mendapat pendidikan yang lengkap dan sempurna dari sekolah hingga ke asrama.
- Melatih pelajar supaya lebih berdikari di peringkat awal.
- Mengurangkan bebanan untuk keluarga yang kurang berkemampuan.
- Membantu melalui pembiayaan yuran dan bantuan pakaian seragam sekolah, kemudahan kelas tuisyen, kelas agama (KAFA), perpustakaan mini, makmal komputer dan sebagainya.
- Menyediakan pelbagai manfaat kepada pelajar untuk mempelajari kemahiran hidup disamping menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti tinggi.
- Menyediakan kemudahan pengangkutan untuk ke sekolah.
- Membentuk disiplin yang tinggi dikalangan pelajar.

### AKTIVITI INAPAN KASIH SAYANG (IKS)

| TARIKH | NAMA PROGRAM | TEMPAT | OBJEKTIF |
|---|---|---|---|
| 28 Disember 2019 – 1 Januari 2020 | Program Orientasi Pelajar Baru Sesi 2020 | Inapan Kasih Sayang | • Pelajar dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran asrama.<br>• Pelajar dapat berkenalan dengan rakan baru dan kakitangan IKS.<br>• Pelajar dapat menguruskan diri dengan baik dan dapat belajar berdikari.<br>• Pelajar dapat memupuk semangat berpasukan dan kerjasama antara rakan-rakan.<br>• Pelajar dapat mengurus masa dengan betul.<br>• Mendedahkan kepada pelajar tentang cara mengemas bilik dan almari dengan baik.<br>• Pelajar dapat solat berjemaah bersama rakan-rakan dan warden serta belajar cara solat dengan betul. |

| TARIKH | NAMA PROGRAM | TEMPAT | OBJEKTIF |
|---|---|---|---|
| 24 Julai 2020 | Pelaksaan Hari Jumaat sebagai hari Jawi | Dewan Inapan Kasih Sayang | • Pelajar dapat mengenal huruf jawi<br>• Pelajar dapat menguasai dan membaca dalam jawi |
| 25 Julai 2020 | Pelaksanaan Hari Jumaat sebagai hari Jawi (sambungan) | Dewan Inapan Kasih Sayang | • Pelajar dapat mengeja dalam jawi |
| 27 Julai 2020 | Tazkirah Sempena Hari Raya Aidil Adha Disampaikan oleh Ustaz Haji Azhari Bin Ahmad, Pengurus Bahagian Dakwah Am, ZPP. | Surau Inapan Kasih Sayang | • Perkongsian Kisah pengorbanan Nabi Ismail A.S.<br>• Penerangan kepada pelajar Kisah dan Ibadah sempena Hari Raya Aidil Adha |
| 8 Ogos 2020 | Seminar Heroic Students – Disampaikan oleh Coach Ahmad Baahir Bin Baharudin, Ketua Jurulatih AMPAC Penang. | Dewan Inapan Kasih Sayang | • Motivasi Kecemerlangan Diri<br>• Rahsia Fokus Terhebat untuk pelajar lebih focus dalam pelajaran. |
| 9 Ogos 2020 | Fiqh Wanita & Lelaki<br>(Pendidikan Akhil Baligh) | Dewan Al Faruq (lelaki) dan atas surau (perempuan) | • Memberi pendedahan berkenaan mandi wajib dan jenis-jenis air mani,mazi dan wadi serta cara-cara mandi wajib dengan cara yang betul. |
| 14 Ogos 2020 | Menulis Sajak Dalam Tulisan Rumi ke Tulisan Jawi | Dewan Inapan Kasih Sayang | • Melatih dan mendidik pelajar mengeja perkataan-perkataan baru yang sukar dalam tulisan jawi. |
| 15 Ogos 2020 | Seni Kolaj (Diri Saya) | Dewan Inapan Kasih Sayang | • Menggalakkan pelajar menggunakan kreativiti untuk menghasilkan kolaj yang menarik serta mendidik pelajar menjadi yakin untuk bercakap di hadapan orang ramai ketika mempersembahkan hasil kolaj masing-masing. |
| 16 Ogos 2020 | Klinik Azan dan Iqamah | Dewan Inapan Kasih Sayang | • Memberi pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan azan<br>• Memberi keyakinan kepada pelajar untuk azan setiap kali tiba waktu solat |
| 17 Ogos 2020 | Kenali tulisan jawi | Dewan Inapan Kasih Sayang | • Memberi pendedahan dan keyakinan kepada pelajar untuk menulis dalam tulisan jawi<br>• Pelajar dapat mengetahui teknik penggunaan huruf jawi dalam penulisan |

| TARIKH | NAMA PROGRAM | TEMPAT | OBJEKTIF |
|---|---|---|---|
| 31 Ogos 2020 | Program Sambutan Hari Kebangsaan | Dewan Inapan Kasih Sayang | • Memupuk semangat cintakan Negara kepada pelajar.<br>• Menerapkan semangat dan nilai patriotism di kalangan pelajar.<br>• Melahirkan pelajar yang mempunyai jati diri yang tinggi dan cintakan Negara.<br>• Mewujudkan persaingan sihat di kalangan pelajar melalui aktiviti yang dipertandingkan. |
| 5 September 2020 | Aktiviti membuat aiskrim Malaysia bersama pelajar | Dewan Makan Inapan Kasih Sayang | • Memberi pendedahan kepada pelajar tentang cara-cara pembuatan aiskrim malaysia<br>• Memberi kegembiraan kepada pelajar dan pelajar dapat makan hasil usaha mereka sendiri. |
| 6 September 2020 | Aktiviti membuat origami bentuk kucing | Dewan Inapan Kasih Sayang | • Menggalakkan pelajar menggunakan kreativiti masing-masing untuk menghasilkan origami berbentuk kucing serta melatih keyakinan diri pelajar untuk bercerita di hadapan orang ramai. |
| 12 September 2020 | Bersenam di padang | Padang Inapan Kasih Sayang | • Untuk mendidik pelajar menjadi lebih aktif dan sihat sebelum memulakan aktiviti. |
| 13 September 2020 | Aktiviti menanam pokok bayam brazil dan rose jepun | Kawasan sekitar Inapan kasih Sayang | • Memberi pendedahan kepada pelajar tentang cara-cara menanam pokok dengan betul<br>• Dapat memupuk sifat cintakan alam sekitar |
| 16 September 2020 | Senaman Pagi | Dewan Inapan Kasih Sayang | • Untuk mendidik pelajar menjadi lebih aktif dan sihat sebelum memulakan aktiviti. |
| 16 September 2020 | Aktiviti-Fun game<br>(in-door)- permainan secara berkumpulan | Dewan Inapan Kasih Sayang | • Memberi kaedah yang berkesan untuk mempelajari kemahiran menyelesaikan masalah.<br>• Senarai aktiviti berikut menunjukkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam bentuk permainan, cara yang tidak mengancam dan menyeronokkan. |

## AKTIVITI INAPAN KASIH SAYANG (IKS)












1442H














ڤروڬرام سمبوتن
مولد الرسول
1442H
تاريخ: ٧ نوۏمبر ٢٠٢٠/٢١ ربيع الأول ١٤٤٢ه
تمڤت: ديوان الفاروق



# Rangkuman
# Kalendar Peristiwa

# RANGKUMAN KALENDAR PERISTIWA

## JANUARI




Townhall Ketua Pegawai Eksekutif ZPP



Lawatan Mahabbah Ke Kompleks Jeruk Madu Pak Ali

## FEBRUARI



Kunjungan Ke Islamic Propagation Society Centre (IPSI)




Majlis Penyerahan Bantuan Kepada Pelajar IPT

## MAC




Lawatan Kerja ZPP Ke Wilayah Persekutuan dan Selangor




Majlis Pelancaran Skim Sakinah

## APRIL



Serahan PPE Kepada Hospital Seberang Jaya




Pengumuman Tatacara Khas Kaedah Bayaran Zakat Fitrah 1441H

## MEI




Penyerahan Sumbangan Bantuan Khas Covid-19 Zakat Pulau Pinang (ZPP) Oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB)



Penyerahan Rumah Asnaf Zakat Pulau Pinang

## JUN



Majlis Penyerahan Bantuan Musa'adah Covid 19




Koperasi Tunas Muda Tunai Zakat Perniaagaan

## JULAI



Sesi Temuduga Program Mybidan




Bank Rakyat Tunai Zakat Perniagaan

## OGOS



Program Pembangunan Staf Pusat Hemodialisis Zakat 2020




Majlis Hi-tea Dan Pembayaran Zakat Korporat

## SEPTEMBER



Kunjungan Hormat ZPP Ke Kediaman TYT Negeri Pulau Pinang



Program Bicara Ketua Pegawai Eksekutif Bersama Kariah Seberang Perai Utara

## OKTOBER



Lawatan Kerja Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Ke ZPP




Lawatan Kerja Ke Lembaga Zakat Selangor

## NOVEMBER



Kunjungan Hormat ZPP Ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang




Malaysian Bulding Society Berhad (MBSB) menunaikan zakat perniagaan di Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang

## DISEMBER



Lawatan Ke Projek Pembangunan Asnaf ZPP




Majlis Sumbangan Wakalah PTPTN



# Media

# PENERBITAN ZAKAT PULAU PINANG TAHUN 2020




Info Zakat Edisi 1/2020




Info Zakat Edisi 2/2020




Info Zakat Edisi 3/2020




Info Zakat Edisi 4/2020




Buletin Zakat Edisi Khas 2020

SINAR HARIAN • SABTU 12 SEPTEMBER 2020 | Sinar NEGERI • P.PINANG | 25

#JanganPutusAsa #Malaysia

# ZPP sebar luas informasi zakat

Fokus 22 program Bulan-bulan Zakat yang diatur sehingga hujung tahun ini

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN



Solat hajat turut diadakan sempena Majlis Pelancaran Bulan-bulan Zakat di Masjid Timah, Permatang Pauh malam kelmarin.

**BUKIT MERTAJAM**

Sebanyak 22 program diatur Zakat Pulau Pinang (ZPP) sempena pelancaran Bulan-bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 bertujuan menyantuni pembayar dan penerima zakat, selain meningkatkan kesedaran terhadap kewajipan menunaikan zakat dalam kalangan umat Islam di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali berkata, program yang akan dijalankan sehingga hujung tahun ini bertepatan dengan visi ZPP iaitu mengungguli usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah melalui sistem pengurusan zakat profesional dan berteknologi.

"Objektif penganjuran program Bulan-bulan Zakat ini menumpukan kepada beberapa aspek utama iaitu mempromosi dan menyebarluaskan informasi berkaitan kewajipan ibadah zakat selain pengurusan zakat secara profesional.

"Kita juga mahu meningkatkan kefahaman dan keyakinan masyarakat bahawa dana zakat yang diuruskan oleh kami adalah sebagai pemerkasaan pembangunan sosioekonomi ummah di negeri ini," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran tersebut di Masjid Timah, Permatang Pauh di sini malam kelmarin.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Datuk Ir Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Turut hadir, Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor.

Mengulas lanjut Amran berkata, pihaknya juga berhasrat memastikan kefahaman dan pendedahan kepada umum mengenai pengurusan zakat secara digital ditingkatkan bersesuaian perubahan semasa dan perkembangan teknologi masa kini.



Bacaan Yasin turut diadakan sempena Majlis Pelancaran Bulan-bulan Zakat di Masjid Timah, Permatang Pauh malam kelmarin.




Dari kiri: Amran, Ahmad Zakiyuddin dan Dr Wan Salim ketika Majlis Pelancaran Bulan-bulan Zakat anjuran Zakat Pulau Pinang malam kelmarin.

Sehubungan itu, beliau menyeru orang ramai sentiasa mengikuti semua platform digital dan media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, Telegram serta saluran YouTube ZPP untuk mengikuti semua perkembangan aktiviti yang akan dijalankan.

Malah katanya, di platform media sosial juga sering dipaparkan aktiviti kutipan dan agihan bantuan zakat.

Sementara itu, mengulas mengenai 22 program yang akan diadakan, Amran berkata, ia termasuk pelancaran portal baharu ZPP, Khutbah Khas Zakat, Ziarah Asnaf, Talaqqah Zakat bersama Guru Takmir dan pelancaran Model Baharu Rumah Bantuan.

Selain itu, pihaknya juga akan menerbitkan buku Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela, pelancaran Projek Peladang Nanas serta beberapa bual bicara menerusi media arus perdana termasuk kerjasama bersama *Sinar Harian*.

> *Kita juga mahu tingkatkan kefahaman dan keyakinan masyarakat bahawa dana zakat yang diuruskan oleh kami adalah sebagai pemerkasaan pembangunan sosio-ekonomi ummah di negeri ini."*

# ZPP salur bantuan RM5.35 juta untuk Bantuan Dermasiswa Pengajian




Ahmad Zakiyuddin (tengah) menyampaikan replika cek kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan oleh Amran pada Majlis Penyampaian Dermasiswa Zakat Pulau Pinang di Hotel Ixora, Seberang Jaya semalam.

**BUTTERWORTH -** Zakat Pulau Pinang (ZPP) menyalurkan Bantuan Dermasiswa Pengajian kepada 1,031 pelajar yang akan melanjutkan pelajaran melalui agihan zakat fisabilillah melibatkan peruntukan sebanyak RM5.35 juta pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali berkata, jumlah tersebut meliputi pembiayaan yuran pengajian pelajar yang belajar di institusi pengajian tinggi dalam negara dan luar negara.

Menurutnya, ia merangkumi pelajar yang belajar di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah.

"Bantuan juga meliputi pelajar yang melanjutkan pelajaran khususnya dalam bidang Pengajian Islam dan Kedoktoran di luar negara seperti di Mesir, Jordan, Morocco (Maghribi), Rusia dan Indonesia.

"Sebelum ini bantuan dermasiswa itu dikenali sebagai Bantuan Dermasiswa E-Minhah telah diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAINPP).

"Bagaimanapun, tahun ini ZPP akan menguruskan bantuan dermasiswa ini sepenuhnya dan dijenamakan semula sebagai Bantuan Dermasiswa Pengajian Zakat Pulau Pinang," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyampaian Dermasiswa Zakat Pulau Pinang di Hotel Ixora, Seberang Jaya di sini semalam.

Majlis dirasmikan oleh Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Amran berkata, usaha tersebut memberikan manfaat kepada pelajar yang bermastautin di Pulau Pinang untuk mendapatkan pendidikan di peringkat pengajian tinggi.

"Ia juga membantu diri dan keluarga meningkat taraf kehidupan melalui kecemerlangan pendidikan.

"Hasrat dan tanggungjawab ZPP adalah untuk memastikan hala tuju dan matlamat penggunaan dana zakat sebagai pemangkin perkembangan sosio dan ekonomi ummah di Pulau Pinang," katanya.

Sementara itu, Ahmad Zakiyuddin berkata, beliau berharap pelajar yang menerima bantuan tersebut akan menggunakan amanah dana sebaik mungkin bagi memperjuangkan keagungan agama Islam.

Menurutnya, pelajar tersebut diharap dapat mengubah nasib umat, masyarakat dan keluarga ke arah yang lebih baik.

Dalam pada itu, pelajar Tahun Tiga Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan Arab di Universiti Yarmouk Jordan, Luqman Haqim Awang Kecil, 20, berkata, bantuan itu menjadi pendorong kepada pelajar untuk meneruskan pengajian di peringkat tertinggi.

"Bagi saya, bantuan seperti ini perlu diteruskan kerana untuk pengetahuan umum, kos sara hidup di Jordan begitu tinggi.

"Sumbangan zakat ini amat membantu kami untuk meneruskan pengajian di sana selain dapat meringankan beban yang terpaksa ditanggung oleh keluarga," katanya.

Luqman yang merupakan anak ketiga dari lapan beradik itu menerima RM12,000 dari ZPP semalam.



# MEDIA SOSIAL ZAKAT PULAU PINANG

















www.zakatpenang.com

**Zakat Pulau Pinang, MAINPP**
No.4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Tel : 04-549 8088
: 1 300 88 8808 (Hotline)
Faks : 04 530 6466
E-Mel : admin@zakatpenang.com
Facebook : zakatpenang